

Bil. 37

**Khamis
18 Julai 1996**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA

Mesyuarat Dewan Rakyat-Penambahan Waktu Persidangan [Ruangan 1]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

[Ruangan 1]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996) 1996 [Ruangan 19]

Jawatankuasa:

Jadual—

Maksud B. 44 [Ruangan 21]

Maksud B. 47 [Ruangan 31]

Maksud B. 50 [Ruangan 40]

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1996 [Ruangan 19]

Jawatankuasa:

Maksud P. 47 [Ruangan 31]

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan
Mesyuarat 12(1) [Ruangan 55]

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan
Mesyuarat 16(3) [Ruangan 55]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Kegagalan Pihak Kementerian Dan Biro Perpaduan Awam
Menguatkuasakan Undang-Undang [Ruangan 56]

—Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI
DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI
ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K.,
D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,
P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI
DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
(DR.) HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T.,
P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,
J.P. (Bentong).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN
DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N.
(Kuala Rajang).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING,
P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW
PEH, D.P.M.P. (Gopeng).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR,
D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).

„ Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI
MUSA, S.I.M.P. (Peringat).

- Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, DATUK CHUA JUI MENG, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR, S.M.J. (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN, D.P.M.J. (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL, P.J.K. (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ TUAN AMIHAMZAH BIN AHMAD (Lipis).
- „ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).

- Yang Berhormat DATO' HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ, A.S.A. (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.S.M., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATO' HAJI HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- „ DATO' HEW SEE TENG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- „ DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARIIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).
- „ TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).

Yang Berhormat DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).

- „ DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ DATO' HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut).
- „ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DATO' OTHMAN BIN ABDUL, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).

- Yang Berhormat MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- „ DATO' SALAMON BIN SELAMAT, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- „ DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- „ DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- „ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasar Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abd Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah.
Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin. Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Jainah binti Sakimin. Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop. Shamsina binti Janor.

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib. Mejar (B) Zakaria bin Salleh.
--------------------	---

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 18hb Julai, 1996

*Mesyuarat dimulakan pada pukul
2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

 PENGUMUMAN TIMBALAN
YANG DI-PERTUA

 MESYUARAT DEWAN
RAKYAT—PENAMBAHAN
WAKTU/TARIKH PERSIDANGAN

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini bahawa saya telah menerima satu perutusan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua.Majlis, supaya mesyuarat Dewan Rakyat yang bersidang sekarang dimulakan pada jam 9.30 pagi (*Tepuk*) bermula dari 22hb hingga 31hb Julai 1996, bagi memberi masa yang lebih lagi Dewan Rakyat membahaskan rang undang-undang yang akan dibentangkan oleh kerajaan, menurut Peraturan Mesyuarat 12(1).

 JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

 PENYELIDIKAN DAN
PEMBANGUNAN (R&D) SEKTOR
SWASTA—GALAKAN

1. Dato' Dr. Kamal bin Salleh (Wangsa Maju) minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) apakah rancangan dan insentif yang telah dilaksanakan untuk menggalakkan "Research and Development" oleh sektor swasta; dan
- (b) apakah respon dan kesan rancangan dan insentif-insentif ini, terutama sekali dari sudut pemasaran hasil temuan penyelidikan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan:

- (a) Dalam usaha menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) di sektor swasta, kerajaan telah memperkemaskan beberapa insentif R&D yang ditawarkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan Akta Cukai Pendapatan 1967. Pada masa ini terdapat 9 jenis insentif R&D yang ditawarkan kepada sektor swasta seperti berikut:
 - (i) potongan cukai dua kali ke atas perbelanjaan bagi projek-projek penyelidikan yang diluluskan;
 - (ii) potongan cukai dua kali ke atas sumbangan dalam bentuk wang tunai bagi maksud penyelidikan kepada institusi penyelidikan yang diluluskan;
 - (iii) potongan cukai dua kali terhadap bayaran yang dibuat bagi membiayai

perkhidmatan yang diperolehi dari pusat-pusat R&D yang diluluskan;

- (iv) taraf perintis atau elaun cukai pelaburan bagi perbelanjaan modal yang dibelanjakan oleh syarikat-syarikat kontrak R&D;
- (v) elaun cukai pelaburan terhadap perbelanjaan modal untuk tempoh 10 tahun bagi syarikat-syarikat R&D;
- (vi) elaun cukai pelaburan bagi aktiviti R&D yang dijalankan secara dalaman (in-house);
- (vii) pengecualian duti import, cukai jualan dan duti eksais ke atas mesin, jentera dan alat, bahan mentah dan sampel yang digunakan bagi maksud penyelidikan yang diluluskan;
- (viii) elaun bangunan perindustrian bagi pembinaan atau perolehan bangunan yang digunakan bagi maksud penyelidikan; dan
- (ix) elaun modal bagi loji dan jentera yang digunakan bagi maksud penyelidikan.

Selain dari insentif yang ditawarkan ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar juga menjalankan dua program yang bertujuan untuk meningkatkan penglibatan sektor

swasta dalam R&D. Ini termasuklah:

- (i) menggalakkan institusi penyelidikan awam mengadakan usaha sama penyelidikan dengan sektor swasta melalui program-program penyelidikan berkontrak (contract research); dan
 - (ii) menjalankan program Skim Pengajaran Syarikat (Teaching Company Scheme) yang melibatkan aktiviti penyelidikan bersama di antara institusi pendidikan tinggi dengan syarikat swasta untuk menyelesaikan masalah di syarikat.
- (b) Respon dari sektor swasta terhadap insentif ini telah mula menampakkan hasilnya. Kerajaan juga sedang mempergiatkan usaha-usaha komersialisasi penemuan hasil-hasil R&D melalui Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia atau MTDC di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Dato' Dr. Kamal bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan ada beberapa syarikat dan juga pemodal-pemodal daripada luar negeri yang telah mencadangkan beberapa syndication R&D ataupun R&D syndicate di mana pengumpulan modal itu kemudiannya disalurkan kepada beberapa syarikat yang diiktirafkan sebagai syarikat R&D untuk menjalankan penyelidikan tersebut sehingga ke 'to market', dengan izin. Ini adalah untuk mengambil kesempatan insentif double deduction yang telah disebutkan tadi oleh Yang

Berhormat Menteri. Apakah pendirian kementerian tentang sindiket R&D sebegini? Adakah patut digalakkan sebab saya difahamkan ada masalah dari segi penakrifan dan pengiktirafan tersebut?

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, kalau tujuan sindiket ini akan memberi manfaat kepada kerajaan atau rakyat Malaysia, ini memang dialu-alukan. Jikalau tujuannya adalah berlainan dari tujuan atau dasar kerajaan, memang kita akan mengambil perhatian dan menyasiat perkara ini.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa sambutan daripada pihak swasta adalah menggalakkan. Saya ingin bertanya bolehkah kementerian memberi satu gambaran, kalau tidak pun angka yang tepat dari segi penglibatan pihak swasta dalam usaha penyelidikan dan pembangunan ini serta bidang-bidang yang mereka terlibat?

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hingga sekarang sebanyak 15 hasil penyelidikan dari institusi-institusi penyelidikan sektor awam telah dikomersilkan dan selain daripada itu juga, banyak syarikat swasta telah mengambil kesempatan itu mengadakan kontrak bagi institusi penyelidikan serta awam untuk menjalani penyelidikan.

Selain daripada itu, apa yang saya difahamkan juga banyak multi-national corporation (MNC) telah menubuhkan venture capital untuk mendapat peluang hasil dari penyelidikan yang mempunyai commercial value, dengan izin.

PERKHIDMATAN SAMPAH SARAP—BEBAN PENSWASTAAN

2. **Dr. Yap Yit Thong (Lumut)** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apa tindakan yang telah diambil untuk memastikan bahawa penswastaan pemungutan, pemprosesan dan penghapusan sampah sarap rumah tangga tidak akan membebankan rakyat dan mengakibatkan inflasi; dan
- (b) adakah langkah untuk memastikan bahawa publisiti yang mencukupi serta dialog dengan pertubuhan pengguna-pengguna berkenaan pelaksanaan penswastaan tersebut, diambil untuk mengelakkan akibat jadinya kekeliruan dan tidak puas hati seperti dengan kes IWK.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan akan mengadakan rundingan dengan konsortium serta dengan penglibatan pihak-pihak lain supaya tarif dan caj yang akan dikenakan adalah munasabah dan tidak membebankan rakyat. Walau bagaimanapun, pada masa ini, pihak konsortium belum mengemukakan cadangan mereka kepada kerajaan.
- (b) Program publisiti mengenai penswastaan perkhidmatan ini akan dilaksana oleh pihak konsortium sebelum proses ambil alih dijalankan untuk memastikan pengguna memahami segala aspek penswastaan ini.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sama ada kementerian telah menerima bantahan daripada kerajaan negeri mengenai penswastaan pemungutan sampah sarap di mana kerajaan negeri telah sediakan satu landfill di Puchong? Kalau ada, cara mana untuk menyelesaikan masalah tersebut?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita belum mendapat apa-apa bantahan rasmi daripada kerajaan negeri kerana kita maklum pihak konsortium belum menghantarkan pelan tindakan atau cadangan mereka bagaimana ia hendak menjalankan tugas ini. Oleh sebab itu, buat masa sekarang masih awal lagi kalau kita sebutkan bantahan dan sebagainya.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana penswastaan ini akan diserahkan kepada konsortium-konsortium gergasi, saya ingin bertanya kepada kerajaan, apakah jaminan yang boleh diberikan terhadap nasib kontraktor-kontraktor pemungut sampah yang sedia ada memandangkan jumlah mereka adalah besar dan kebanyakannya merupakan pengusaha kecil?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Seperti yang saya sebutkan dalam jawapan bahagian (a) tadi, pihak konsortium akan berbincang dengan semua pihak yang berkenaan termasuk juga kontraktor-kontraktor yang sedia ada.

PAKAR PERUNDING LUAR NEGARA—PERKHIDMATAN

3. **Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah (Tambun)** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada keutamaan diberi kepada pakar-pakar perunding luar negara daripada negara-negara Islam untuk berkhidmat di Malaysia dengan pihak kerajaan mahupun swasta supaya saranan mereka lebih mencerminkan budaya Islam yang sesuai dengan Malaysia.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Dato'Haji Muhamad bin Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, sememangnya menjadi dasar kerajaan menggalakkan pakar-pakar perunding luar negara untuk berkhidmat di Malaysia

sama ada dengan pihak kerajaan mahupun swasta yang tidak ada pakar-pakar perunding tempatan yang sesuai.

Dalam hubungan ini, tidak kira dari negara mana mereka itu datang, asalkan mereka boleh menyumbang untuk memajukan pembangunan teknologi dan meningkatkan ekonomi negara serta mengikuti dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Keutamaan akan diberi kepada pakar-pakar perunding dari negara Islam sekiranya mereka itu mempunyai kelayakan dan pengalaman yang dikehendaki serta memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh kerajaan.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada terdapat hujah di kalangan pihak-pihak tertentu yang mengatakan mengapa negara kita tidak banyak menggunakan pakar dari negara Islam, kerana kerajaan kita lebih senang dengan orang yang pakai necktie dengan orang yang pakai jubah. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato'Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, dakwaan ini tidak benar. Kemahiran seseorang itu bukanlah terletak pada tie ataupun jubah tetapi hakikatnya, bukan sahaja negara kita bahkan banyak lagi negara Islam yang menggunakan pakar-pakar perunding dari negara-negara yang bukan Islam.

Selain daripada itu, memang sehingga sekarang tidak ada pakar-pakar perunding Islam dari negara Islam yang cuba memohon untuk membuat apa-apa projek besar di negara kita ini. Yang ada hanya individu Islam yang kadangkala individu Islam ini ditaja oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan ada juga projek itu kadangkala datang daripada negara yang mungkin kita anggap negara Islam, misalannya sebuah perunding dari Indonesia yang membuat jalan yang dipanggil 'sorobaru' berhampiran Jalan Ampang yang mana ini adalah kontraktor dari Indonesia.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen tadi, saya minta penjelasan tambahan, kenapa sehingga hari ini kita dapati hanya ada individu Islam sahaja yang datang ke Malaysia tetapi tidak badan-badan tertentu dari pakar perunding Islam. Saya percaya ada wujud perunding dari negara-negara Islam. Adakah disebabkan oleh kurang informasi ataupun lain-lain sebab yang menyebabkan mereka tidak memberi response kepada kita?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana dinyatakan tadi, kalau sekiranya mana-mana pakar perunding dari negara Islam yang mempunyai kemahiran tertentu yang kita fikirkan sesuai untuk negara kita, kita akan menerima mereka. Tetapi sebagaimana saya nyatakan tadi, bahkan di antara pakar-pakar perunding dari negara kita, ada yang telah pergi ke negara mereka untuk membuat projek di negara mereka. Hakikatnya, mereka masih kekurangan pakar-pakar perunding yang mahir untuk membuat apa-apa projek besar sama ada di negara kita ataupun di negara-negara lain.

PAN ASIA RAILWAY— KEPERLUAN

4. **Tuan Lim Hock Seng (Bagan)** minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapa perlunya Pan Asia Railway sedangkan perkhidmatan KTMB di negeri sendiri pun belum memuaskan. Apa terjadi kepada cadangan landasan berkembar di Semenanjung Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung): Tuan Yang di-Pertua, projek hubungan rel ini yang dikenali sebagai Trans-Asian Railway diperlukan untuk menghubungkan negara-negara Asia Tenggara bagi mempertingkatkan lagi

perkembangan ekonomi secara keseluruhan di negara-negara yang terlibat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, ketua-ketua kerajaan semua negara Asean serta Kambodia, Laos dan Myanmar telah bersetuju dalam Mesyuarat Kemuncak Asean di Bangkok pada Disember 1995, bahawa hubungan rel ini amat diperlukan. Laluan rel ini akan bermula di Singapura dan berakhir di Konming negeri China Selatan. Negara-negara Asean telah memilih Malaysia untuk menyelaraskan projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga memang merancang untuk meneruskan projek landasan berkembar berelektifikasi di Semenanjung Malaysia secara berperingkat mulai dengan Projek Landasan Berkembar di Lembah Klang, iaitu dari Rawang ke Seremban dan Pelabuhan Klang ke Kuala Lumpur yang kini telah pun siap.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen mengenai kedudukan terkini berkenaan dengan Projek Oriental Express?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, mengenai Oriental Express, sebenarnya tidak ada apa-apa perubahan. Cuma projek ini buat masa ini ada kelambatan sedikit dari segi kemajuan pelaksanaan. Walau bagaimanapun, kerajaan dengan pihak swasta yang mengendalikan projek ini sedang menjalankan projek Oriental Express dari Singapura ke Bangkok.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya mengenai Projek Trans-Asian Railway itu, kerana projek ini melibatkan beberapa negara. Soalan saya ialah bagaimana caranya untuk membiayai projek itu dan jikalau negara kita ini belum membiayai projek ini, jadi apakah implikasi kewangan dan

berhubung kait dengan landaan berkembar itu? Yang Berhormat telah menjawab bahawa ia akan dilaksanakan secara berperingkat. Jadi, adakah kementerian akan menentukan satu tempoh masa untuk menyiapkan projek tersebut?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang pertama, dari segi aspek kewangan mengenai Projek Trans-Asian Railway ini, buat masa ini tidak dapat ditentukan. Walau bagaimanapun, satu kumpulan kerja yang terdiri daripada wakil-wakil negara-negara yang terlibat iaitu negara Asean dan juga Kambojia, Laos, Myanmar dan negeri China akan bermesyuarat sebelum akhir tahun ini. Dan melalui mesyuarat ini kemungkinan masalah kewangan, isu-isu teknikal dan juga laluan bagi Trans-Asian Railway ini akan ditetapkan. Dalam mesyuarat ini Malaysia telah dipilih untuk mempengerusikan mesyuarat ini.

Mengenai soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, kerajaan memang mempunyai rancangan untuk meneruskan Projek Landasan Berkembar Berelektifikasi di Semenanjung secara berperingkat-peringkat dan memang tidak ada satu 'time frame' ataupun jangka masa yang tetap untuk menyiapkan projek landasan berkembar ini pada keseluruhannya.

Walaupun bagaimanapun, kerajaan telah pun meluluskan cadangan untuk landasan berkembar dari Kulai di Johor ke Singapura termasuk laluan simpangan ke Lapangan Terbang Senai serta pelaksanaan landasan berkembar dari Rawang ke Ipoh sedang dijalankan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussein.

Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussein: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, soalan yang ke-5, tetapi sebelum

itu ada sedikit pembetulan. Bagi bahagian (a) baris pertama ejaan sebenar ialah 'sistem' dan bukannya 'sitem' dan bagi baris yang ketiga 'task orientated vs. emotion orientated', dengan izin.

SISTEM PEMBELAJARAN DI SEKOLAH BERCORAK "BUDAYA GAGAL"—TINDAKAN KEMENTERIAN

5. Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussein (Sepang) minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bahawa adakah pihaknya sedar bahawa sistem dan iklim pembelajaran di sekolah-sekolah di negara ini bercorak "budaya gagal" iaitu "task orientated vs. emotion orientated". Kementerian bersetuju atau tidak. Sekiranya tidak, mengapa; dan
- (b) adakah kementerian bercadang untuk meletakkan guru-guru yang berkelulusan tinggi, baik dan bersemangat di sekolah-sekolah yang memerlukan khidmat guru-guru terbaik dan cemerlang terutama sekali di sekolah-sekolah di luar bandar.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dato'Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Falsafah Pendidikan Negara menekankan pendidikan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Guru-guru pula sentiasa didedahkan dengan pendekatan bersepadu bagi melahirkan individu yang harmonis dan seimbang. Adalah kurang tepat dan tidak benar bahawa sistem atau iklim pembelajaran di sekolah-sekolah di negara ini bercorak 'budaya gagal' seperti yang ditimbulkan.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita meningkatkan prestasi sekolah-sekolah khususnya sekolah-sekolah rendah di negara ini, apakah strategi kementerian untuk memungkinkan dalam tempoh yang tertentu nanti sekolah-sekolah rendah akan mempunyai sekurang-kurangnya guru besar terdiri dari guru siswazah?

Dato'Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, dari segi matlamat jangka panjang kita, kita berhasrat untuk mencapai matlamat utama di peringkat sekolah menengah. Kita akan dapat menyediakan guru-guru siswazah dan pada peringkat sekolah rendah sekurang-kurangnya sebagai permulaan matlamat kita ialah untuk membekalkan guru-guru pada peringkat 30% yang mempunyai ijazah.

Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, apakah tindakan yang diambil terhadap guru-guru dan pengetua-pengetua yang berkelulusan tinggi yang mengengkari arahan dan tidak mahu melaporkan diri di sekolah luar bandar, lebih-lebih lagi di kawasan pedalaman di negeri Sarawak apabila arahan pertukaran diberi kepada mereka?

Dato'Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita mengakui ada kejadian-kejadian yang sebegini, tetapi kita juga kena faham tentang masalah yang menyelubungi seseorang guru yang terlibat terutama sekali dari segi perikemanusiaan.

Apabila timbul perkara-perkara begini kita cuba mencari jalan untuk memastikan matlamat kita itu dapat dicapai, sebolehnya dengan tidak memberikan tekanan-tekanan hidup terutama sekali kepada guru-guru yang terlibat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah.

(Soalan No. 6—Y.B. Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah tidak hadir).

PELABURAN ASING DI KORIDOR PANTAI TIMUR DAN PANTAI BARAT—JUMLAH

7. Dr. Ramli bin Taib (Kemaman) minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) peratusan jumlah pelaburan asing di koridor ke-2 Pantai Timur dibandingkan dengan Pantai Barat pada tahun 1995-1996. Apakah punca atau sebab kurangnya pelaburan di Pantai Timur Semenanjung jika dibanding dengan Pantai Barat; dan
- (b) apakah bidang-bidang khusus atau industri-industri khusus yang dikenal pasti untuk dimajukan di Negeri Pantai Timur. Adakah kerajaan bercadang untuk memajukan industri petrokimia atau industri plastik dengan lebih terancang lagi memandangkan terdapat bahan mentah di sana.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Dato'Seri Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1995, peratusan pelaburan asing yang diluluskan di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia iaitu negeri Terengganu, Pahang dan Kelantan ialah 4.5% daripada keseluruhan pelaburan asing dan jumlahnya ialah RM414.6 juta, manakala pelaburan di negeri-negeri Pantai Barat ialah 71.8% (RM6,566.8 juta).

Bagi tempoh Januari hingga Mei 1996 pula, peratusan pelaburan asing di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia ialah 6.9% daripada jumlah pelaburan asing atau RM567.4 juta

berbanding dengan 53.6% di negeri-negeri Pantai Barat. Negeri Pahang menerima pelaburan asing yang paling besar di antara negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia tersebut. Kedua terbesar ialah negeri Terengganu dan diikuti dengan Kelantan.

Pelabur-pelabur asing membangkitkan isu-isu seperti masalah mendapatkan pekerja, pengangkutan pekerja, kepakaran teknikal, bekalan elektrik, tukar syarat tanah, dengan izin, land conversion dan juga bekalan air adalah sebagai faktor-faktor yang menyebabkan kurangnya pelaburan di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Kerajaan Persekutuan akan meneruskan usaha bagi mengatasi masalah-masalah yang dinyatakan tersebut bersama-sama dengan kerajaan-kerajaan negeri. Salah satu forum perbincangan yang dibuat ialah melalui Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Industri iaitu di antara Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dengan kerajaan-kerajaan negeri berkenaan yang diadakan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang menggalakkan industri-industri berasaskan sumber menjalankan aktiviti-aktiviti mereka di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Dengan terdapatnya bekalan minyak dan gas asli, negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia menjadi sangat menarik untuk menempatkan industri hiliran petrokimia berasaskan gas asli dan industri berat seperti kilang besi waja bersepadu yang juga menggunakan gas asli.

Pada masa ini, pembangunan projek-projek baru petrokimia seperti pengeluaran resin plastik sedang berkembang dengan pesatnya di kawasan ini. Sebagai contoh, satu projek baru yang mengeluarkan resin plastik dengan jumlah pelaburan sebanyak RM9 juta telah diluluskan di negeri Terengganu dalam tahun 1995 dan dua lagi projek baru

berjumlah RM19.7 juta dan diluluskan di negeri Pahang dalam tempoh Januari hingga Mei 1996.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, yang kami rindu di Parlimen. Nasiblah ada Setiausaha Parlimen, dia pandai jawab, bagus. Dia jaga Menteri, dah. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di bawah RMK7 dan Pelan Induk Perindustri yang akan dibentangkan tidak lama lagi. Apakah rancangan kerajaan untuk kita membangunkan Pantai Timur dari segi teknologi tinggi dan sebagainya dan saya kira di negeri Kelantan dengan politik kucar-kacir adakah kita akan bangun ataupun kita tunggu sampai Barisan Nasional ambil balik Kelantan yang harubiru itu bagi kita tolong depa, maca mana, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, memanglah Setiausaha Parlimen saya baik dan juga Timbalan Menteri bantu Menteri dia. Tuan Yang di-Pertua, bagi Rancangan Malaysia Ketujuh dan Pelan Induk Perindustrian kita mempunyai hala cara baru untuk pendekatan perindustrian iaitu buat pertama kalinya kita mengadakan pendekatan perindustrian berdasarkan cluster approach, dengan izin, ataupun pendekatan berkelompok, industri berkelompok yang mana kita kenal pasti kelompok-kelompok industri tertentu seperti kelompok-kelompok elektrik-eletronik, kelompok kejuruteraan, kelompok asas sumber, kelompok aerospace dan sebagainya.

Dalam konteks industri pembangunan di peringkat negeri terutamanya di Pantai Timur. Kita telah menasihatkan supaya

kerajaan-kerajaan negeri menyediakan selari dengan Pelan Induk Perindustrian Negara, Pelan Induk Perindustrian Negeri masing-masing dan negeri tersebut telah pun bersetuju buat demikian kecuali Kelantan kita tidak bincang lagi, mungkin tak setuju. Kita telah pastikan supaya di dalam kelompok-kelompok yang akan dikenal pasti di seluruh negara ada kelompok-kelompok yang kompetitif dibangunkan di negeri-negeri Pantai Timur. Dan dengan itu bolehlah misal kata, kelompok petro-kimia dibesarkan, dipesatkan pembangunannya seperti di Negeri Terengganu juga ada di Pahang. Begitu juga Pahang mengenal pasti beberapa kelompok berasaskan barang kimia sedikit sebanyak elektronik dan begitu juga di Terengganu, industri berasas sumber.

Jadi, dengan adanya dua pelan induk industri pusat dan dua pelan induk industri negeri, maka dapatlah diselarikan ataupun diharmonikan perancangn perindustrian Pantai Timur dengan peringkat kebangsaan.

Mengenai politik di Kelantan. Tuan Yang di-Pertua, memang benarlah, kalau kita pergi ke luar negeri, kadang-kadang kita dapat jelas lihat bahawa keengganan pelabur-pelabur asing datang ke negeri-negeri di Malaysia, di mana pentadbirannya di bawah Pembangkang—itu jelas. Tetapi kita tidak mengatakan jangan pergi Kelantan dan sebagainya. Tak pernah kata begitu. Kita umumkan, semuanya baik, tapi bila dia datang dekat sini, tengok kucar-kacir, tak pergilah. Dia senang pergi Terengganu, sebelah sahaja, bukan jauh pun. Jadi, mungkin bila agaknya politik di Kelantan lebih stabil, Barisan Nasional mengambil alih semula, kita ada Pelan Induk Perindustrian dan sebagainya insya-Allah, rasa saya, cerah masa depan perindustrian Kelantan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kuala Nerus.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd.

Said: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Biasanya industri petroleum di suatu tempat berkembang dengan baiknya maka timbulah industri hiliran yang diperkatakan tadi. Bolehkah kementerian memberitahu apakah rancangan jangka panjang ke arah industri hiliran ini untuk memajukan lagi koridor Pantai Timur Semenanjung kerana apa yang saya lihat industri petro-kimia ataupun polimer industri dengan izin, di Terengganu pada waktu ini yang disebut adalah industri resin ataupun yang ada typeside tetapi kita masih lagi banyak ataupun berpeluang mengadakan industri-industri seperti polypropelling, poly styrene, ployurethanes, high-density, low denisity dengan izin, serta memperkembangkan lagi industri-industri seperti karbon black dan lain-lain lagi. Jadi, apakah rancangan jangka panjang kementerian untuk memperkembangkan lagi industri ini.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, dari segi industri petro kimia atau yang berasaskan petroleum dan gas asli ada dua cluster industri yang boleh dibangunkan yang pertama ialah apa yang dipanggil industri hiliran, yang mana Yang Berhormat sebutkan tadi, iaitu produk-produk berasaskan daripada petroleum atau gas asli termasuk PE, PP .. dan sebagai dan ini memang kita sudah kenal pasti. Tetapi bagi beberapa daripada produk itu PE dan PP pihak kerajaan telah memutuskan bahawa setakat ini tidak ada lesen-sesen baru akan dikeluarkan kerana lesen yang ada sudah memadai, tetapi banyak barangan-barangan hiliran yang lain yang mana masih belum ada yang menubuhkan projek ataupun masih ada ruang untuk ditubuhkan. Itu adalah industri hiliran. Yang kedua ialah cluster yang berbentuk industri sampingan ataupun industri sokongan yang mana daripada industri petrol-kimia itu boleh diwujudkan industri

kejuruteraan, industri dalam alat dan jentera untuk menyokong industri petrokimia. Jadi, kedua-dua ini adalah dibincang dan dirancang di dalam Industry Master Plan atau Pelan Induk Industri yang akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun ini.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Satu lagi, Menteri, satu lagi soalan, Tuan Yang di-Pertua. Sebab Menteri jarang-jarang mari. Bagilah peluang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, biasa dua soalan tambahan.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Bila Menteri, jawab kena bagi tiga, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Pokok Sena.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Pokok Sena.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tadi, tak sempat hendak bagi.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat, elok kita pinda peraturan kita, sebab, bila Menteri jawab, tiga soalan. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya untuk pengetahuan menteri. Kawasan saya ada buluh, jerami dan tanah. Yang Berhormat Menteri dok pergi ke merata-rata dunia ini, tak ada ke pelaburan, tak ada ke pelabur-pelabur yang ingin memajukan industri, supaya kawasan saya Pokok Sena, bolehlah sebab kawasan saya tidak ada petrokimia, plastik ini tak boleh. Yang ada buluh, jerami, tanah dan batang pokok sena. Jadi, tak ada ke pelabur-pelabur yang boleh memajukan, seperti kawasan saya.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa industri yang berasaskan buluh, jerami dan sebagainya adalah diteliti atau dikesan oleh Perbadanan Kraf Tangan Malaysia, kerana mereka telah ditugaskan mewujudkan industri-industri kecil dan sederhana berasaskan bahan-bahan seperti ini. Jadi, kita percaya mereka akan mengutamakan hal ini. Tetapi, tidak bermakna bahawa kalau Kawasan Pokok Sena, tidak ada industri yang berasaskan petrol kimia, tidak boleh diwujudkan industri komponen dan peralatan yang viable dan hi-tech kerana kita tahu, bahawa tapak perindustrian Kulim Hi-Tech akan wujud sebagai pengerak utama industri hi-tech Malaysia. Pokok Sena dan Kulim, itu dekat sangat. Jadi, saya rasa Kerajaan Negeri Kedah akan mengenal pasti, kawasan-kawasan seperti Pokok Sena untuk pembangunan industri komponen peralatan untuk bahan-bahan elektronik hi-tec yang akan ditubuhkan Kulim Hi-Tech Park, insya-Allah, bila saya bincang dengan Yang Amat Berhormat, Menteri Besar baru dalam by latter ini tadi kita akan sebut Pokok Sena. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tuan Yeong Chee Wah.

INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI—SYARAT PENGKORPORATAN

8. Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah) minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah faktor-faktor diambil kira untuk mempertimbangkan sesuatu kolej dan institusi tinggi boleh dikorporatkan atau diswastakan nanti. Apakah tanda ukuran untuk menaksikan "Kolej Elit" seperti Kolej Melayu Kuala Kangsar, Perak.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, untuk

makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah bersetuju untuk 'mengkorporatkan' bukan 'men-swastakan' institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) dengan Universiti Malaysia dijadikan sebagai model perintis. Ini bermakna IPTA akan tetap kekal sebagai badan berkanun yang tidak bermotifkan keuntungan. Namun dari segi perjalanannya, ia akan beroperasi sebagai sebuah badan korporat yang efisien, responsif dan dinamik.

Untuk membolehkan hasrat ini tercapai, ianya akan melibatkan perubahan dari segi sistem governan, sistem pembiayaan dan kewangan dan sistem pengurusan sumber manusia IPTA-IPTA tersebut. Buat masa ini, kerajaan masih lagi memperincikan perkara-perkara tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini tidak ada 'Kolej Elit' seperti yang dimaksudkan. Mengenai Kolej Melayu Kuala Kangsar, sekolah ini adalah sekolah menengah berasrama penuh yang sama tarafnya dengan sekolah-sekolah menengah asrama penuh yang lain.

PERTAHANAN—MENGAJI HUBUNGAN DENGAN NEGARA LUAR

9. Che Ibrahim bin Mustafa (Sungai Petani) minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) adakah kerajaan bersedia membuat kajian terhadap hubungan pertahanan yang ditandatangani dengan Britain kerana kegagalan mereka mematuhi perjanjian tersebut; dan
- (b) apakah kita tidak dapat mengalihkan perhatian terhadap keperluan pertahanan negara ke negara-negara lain dan selama

mana lagikah negara terpaksa bergantung kepada negara asing untuk keperluan pertahanan negara.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Pertahanan.

- (a) Kerajaan sentiasa prihatin terhadap apa-apa perubahan dan perkembangan yang berlaku dalam pengendalian hubungan pertahanan dengan negara-negara luar. Dalam hubungan ini, kerajaan akan mengkaji semula kedudukan hubungan pertahanan dengan mana-mana negara, termasuk dengan Britain, sekiranya perlu.
- (b) Mengadakan hubungan kerjasama di bidang pertahanan dengan negara-negara lain tidaklah bermakna negara terpaksa bergantung kepada negara asing untuk keperluan pertahanan negara. Malaysia mengamalkan dasar bekerjasama dan terbaik-baik dengan mana-mana negara yang bersedia untuk menjalinkan hubungan persahabatan, termasuk di bidang pertahanan. Langkah kerajaan untuk meningkatkan keupayaan Angkatan Tentera Malaysia melalui perolehan peralatan terkini yang canggih dan berteknologi tinggi adalah menandakan kemampuan kita untuk berdikari dalam melaksanakan tanggungjawab mempertahankan negara.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak.

(Soalan No. 10—Y.B. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu) tidak hadir)

**AMANAHA SAHAM
WAWASAN 2020—
SYARAT DAN JUMLAH
PINJAMAN**

11. Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang) minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa satu Skim Amanah Saham Wawasan 2020 akan dilancarkan dalam bulan Ogos 1996. Skim ini akan ditawarkan kepada semua kaum, apakah syarat dan berapakah jumlah pinjaman yang boleh dipohon.

Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama penubuhan Amanah Saham Wawasan 2020 adalah untuk menggembelng simpanan dan pelaburan masyarakat Malaysia pelbagai kaum di peringkat usia muda di samping membantu membina perpaduan dan semangat integrasi nasional selaras dengan matlamat Wawasan 2020.

Skim ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur di antara 12 hingga 29 tahun. Bagi membolehkan penyertaan yang meluas, pelaburan minimum bagi pelabur individu adalah RM100 (100 unit) dan pelaburan maksimum RM50,000 (50,000 unit).

Pelabur institusi pula dibenarkan melabur enam bulan selepas skim ini dilancarkan. Permodalan Nasional Berhad sebagai pengurus pelaburan tidak akan memberi sebarang pinjaman kepada skim ini. Bagaimanapun, institusi kewangan yang menjadi ejen kepada PNB sekiranya mereka ingin memberi pinjaman, PNB tidak mempunyai apa-apa halangan.

Perkhidmatan skim adalah sama dengan ASN dan ASB, urusan pendaftaran dan urus niaga boleh dibuat di ibu pejabat ASNB atau di mana-mana ejen ASNB yang berkomputer di seluruh negara.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, bagaimanakah caranya agar pengagihan pelaburan Amanah Saham Wawasan 2020 ini terdiri daripada remaja, daripada golongan pertengahan dan juga golongan miskin supaya ianya nanti tidak dibolot oleh anak-anak orang kaya sahaja.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, dalam mesyuarat yang telah diadakan, kita telah memastikan agar seluruh pejabat dan ejen PNB bertindak memastikan pendaftar awal itu menyeluruh, sebab itu ditetapkan kadar minimum. Tetapi selepas difikirkan bahawa tabung pelancaran itu RM3 bilion, maka kita kira boleh memastikan penyertaan yang cukup meluas.

Dr. Lee Chong Meng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada masa kini, memandangkan ekonomi negara kita berkembang begitu baik dan market pun sangat liquid, khasnya dari individu, adakah kementerian bercadang untuk mewujudkan lebih skim Amanah Saham atau cara lain untuk semua rakyat Malaysia dan melalui cara-cara ini kerajaan pun akan mengutip lebih wang dari sumber tempatan dan ini akan membolehkan kerajaan membayar balik pinjaman wang asing khasnya dari Jepun dan ini akan menolong negara kita membaiki ekonomi negara kita sebelum kecapaian Wawasan 2020.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, banyak soalan itu. (*Ketawa*) Yang pertama, soal skim, ini merupakan satu permulaan dan kita akan melihat keberkesanannya. Jumlah pelaburan kita anggap tinggi, di samping itu kita juga ingin melancarkan beberapa skim lain dan kita telah tugaskan Bank Negara bertindak sebagai satu sekretariat membincangkan soal langkah-langkah tambahan untuk mengumpul dan meningkatkan dana tabungan di kalangan

masyarakat kerana kelebihan wang atau liquidity dalam pasaran dan juga untuk membendung inflasi dan pembaziran perbelanjaan.

Tetapi saya ingin menjelaskan bahawa kutipan ini tidak sama sekali akan dimanfaatkan oleh kerajaan, ini wang yang dikumpul dari orang ramai untuk dilaburkan, jadi tidak untuk membayar hutang. Kerajaan hari ini mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh, kita tidak perlu meminjam untuk membayar hutang lebih awal. Sekarang ini pun kita terus membayar hutang dan sedang berunding dengan siapa sahaja yang bersetuju untuk membenarkan kita membayar hutang lebih awal.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King.

(Soalan No. 12—Y.B. Tuan Tiong Thai King (Lanang) tidak hadir)

KUALA LUMPUR LINEAR CITY PROJECT

13. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka) minta Perdana Menteri menyatakan siapakah yang mendapat Kuala Lumpur Linear City Project, nilainya, bilakah ia diberikan dan tempoh projek, berapa penduduk yang terjejas, sama ada satu tender terbuka dijalankan dan adakah satu Penilaian Kesan Alam Sekitar dijalankan serta butir-butir terperinci lain.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Azmi bin Khalid): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek penswastaan Kuala Lumpur LinearCity akan dilaksanakan oleh Syarikat Pripadu Sendirian Berhad yang pada masa ini telah menukar nama kepada Kuala Lumpur LinearCity Berhad. Jumlah kos

pembangunan projek penswastaan ini adalah dianggarkan sebanyak RM10 bilion yang meliputi kos pembinaan, bayaran subsidi kepada sistem monorail, kos penempatan semula setinggan dan kos bagi membina kolam mendapan dan penahan sampah sarap ke atas sungai. Konsep penswastaan bagi projek ini sedang dirundingkan di antara kerajaan dengan Syarikat KL LinearCity. Pada masa ini kerajaan telah pun meluluskan kajian ke atas kesan kepada alam sekitar bagi projek monorail manakala ujian ke atas kesan alam sekitar bagi projek KL LinearCity sedang dipertimbangkan oleh kerajaan.

Pada anggaran awal menunjukkan lebih kurang 2,000 keluarga setinggan akan terlibat dalam kawasan pembangunan projek Kuala Lumpur LinearCity. Kesemua keluarga yang terlibat akan dipindah ke rumah kos rendah yang akan disediakan oleh pihak kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kenapa kerajaan memberi kelulusan untuk projek KLLC, sungguhpun ia melanggar panduan Jabatan Pengairan dan Saliran (DID) mengenai konsep pembangunan berhadapan sungai (river front development) di mana adalah sangat jelas seksyen 4.4., dengan izin, DID Guideline On River Front Development menyebut bahawa bangunan-bangunan dan infrastruktur yang kekal tidak dibenarkan sama sekali berada di dalam sungai dan rizabnya dan di sini adalah bandar raya atas sungai untuk 12 kilometer dan Yang Berhormat ada memberi satu jawapan kepada saya yang menyebut konsesyon ini untuk 30 tahun.

Adakah semua bangunan-bangunan yang pelbagai tingkat atas sungai akan ada hakmilik 30 tahun, title 30 tahun atau lebih atau kurang?

Tuan Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, dari segi perundangan mengenai penggunaan sungai, ini sedang dalam kajian sepertimana yang saya katakan tadi, masih dalam kajian dan keputusan muktamad masih belum lagi diputuskan. Mengenai konsesi berapa puluh tahun, konsesi 30 tahun hanya untuk projek monorel, yang selainnya ialah untuk pajakan tanah selama 99 tahun, maka akan diadakan title dan strata title.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya dapat tahu siapakah di belakang KL LinearCity Sdn. Bhd ini, kerana tadi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab, tetapi tidak menjawab dengan jelas. Nampaknya seperti satu nominee company. Bolehkah diberitahu siapakah di belakang syarikat ini? Adakah pemaju ini akan membina rumah kos rendah kerana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri menyatakan semua projek mesti ada rumah kos rendah. Kalau tidak, bukankah ini menyalahi arahan yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat yang duduk di depan kita.

Tuan Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan tadi oleh kerana ada 2,000 setinggan yang terlibat, maka rumah kos rendah akan dibina, sama ada ia akan dibina di atas tanah yang sama atau diganti dengan tanah yang lain, itu belum ditentukan lagi. Mengenai siapa yang menjadi tulang belakang projek ini, saya rasa, nama syarikat telah kita beri itu KL LinearCity Sdn. Bhd. Oleh kerana Yang Berhormat sendiri saya rasa cukup pakar dalam bidang menyiasat selidik, maka pergilah jumpa ROC.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, kalau dia ada jawapan, dia mesti beri, ini serius—ini Dewan yang mulia. Saya tanya, kalau ada—ada, kalau tidak ada, bolehkah saya minta jawapan bertulis. Jangan main-main di sini.

Beberapa Ahli: *(Menyampuk)*

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah saya minta jawapan bertulis?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya minta jawapan bertulis daripada Setiausaha Parlimen. Kalau dia tidak ada maklumat, berikan jawapan bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti dahulu, biarpun Yang Berhormat hendak suarakan sesuatu atau hendak membangkitkan sesuatu janganlah mencelah macam itu, Yang Berhormat. Itu bukan caranya.

Tuan Lim Guan Eng: *(Menyampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cukuplah. Yang Berhormat, Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang.

(Soalan No. 14—Y.B. Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang tidak hadir)

Tuan Lim Guan Eng: *(Menyampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kota Melaka, ini kata dua dari saya. Saya tidak akan ulangi apa yang saya nasihatkan tadi.

KONTRAKTOR BUMIPUTERA— JUMLAH PEMILIKAN SAHAM

15. Dr. G. Leelavathi (Kapar) minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kementerian Kewangan bercadang untuk mendaftarkan kontraktor-kontraktor am yang mempunyai 51% saham sebagai syarikat kontraktor bumiputera supaya semua kaum boleh menikmati kekayaan

negara dengan sama. Buat masa ini kontraktor-kontraktor am yang mempunyai 100% saham dalam satu syarikat sahaja diakui sebagai kontraktor bumiputera.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan sememangnya menggalakkan usahasama bumiputera dan bukan bumiputera di dalam perniagaan termasuk juga dalam mengendalikan perolehan kerajaan. Bagi syarikat yang ingin mendapat taraf bumiputera, syarikat-syarikat tersebut hendaklah memenuhi kriteria di mana pemilikan saham, ahli lembaga pengarah, pengarah, pengurusan, pekerja dan tandatangan cek hendaklah dikuasai oleh bumiputera sekurang-kurangnya 51%. Dengan itu adalah tidak benar dakwaan yang menyatakan bahawa Kementerian Kewangan hanya memberi taraf bumiputera kepada syarikat yang 100% saham dimiliki oleh bumiputera.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah dengan syarikat-syarikat asing, adakah sekatan ke atas syarikat-syarikat tersebut, terutama bagi syarikat-syarikat asing yang sekarang telah membuat usaha sama dengan syarikat-syarikat tempatan. Apakah syarat-syarat yang dikenakan, terutama dari segi pecahan ekuiti?

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, mengenai syarikat-syarikat asing, seperti syarikat-syarikat dari luar negara, seperti dari Korea misalnya ataupun syarikat dari Taiwan, mereka juga layak mendaftar jika memenuhi syarat-syarat berikut:

- (i) ditubuhkan di Malaysia; dan
- (ii) milik saham, ahli lembaga pengarah, pengurusan, pekerja dan

tandatangan cek dikuasai oleh sekurang-kurangnya 30% bumiputera, 30% bukan warganegara dan lebihannya 40% warganegara.

PROTON SAGA—AKSESORI YANG DIWAJIBKAN

16. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut) minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) adakah benar dakwaan bahawa aksesori tambahan kereta Proton Saga seolah-olah diwajibkan oleh pengedar EON kepada pembelinya; dan
- (b) adakah benar bahawa pembeli yang menolak aksesori akan dilambatkan tarikh penghantaran kenderaan mereka dan adakah benar dakwaan bahawa terdapat pembeli kereta terpakai yang telah membuat tempatan kereta nasional dengan kuantiti yang besar dan menjual dengan harga yang lebih mahal.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, berhubung isu penjualan aksesori tambahan bagi Proton seperti yang dinyatakan itu, kerajaan ada menerima aduan mengenai tindakan-tindakan yang diambil oleh EON dan juga agen-agen pengedarannya seperti yang ditimbulkan tadi. Oleh yang demikian, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sedang mengawasi perkembangan ini dan akan meminta Proton, EON dan USPD supaya tidak meneruskan amalan ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, aksesori yang dibenarkan oleh

kerajaan untuk dipasang di kilang hanyalah seperti berikut:

- (i) alat hawa dingin;
- (ii) radio kaset;
- (iii) sistem kunci berpusat;
- (iv) penggera keselamatan;
- (v) lapisan kaliskarat; dan
- (vi) tingkap automatik.

Bagi lain-lain aksesori, pihak pengguna tidak boleh dipaksa untuk membelinya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan aktiviti oleh beberapa pengedar kereta terpakai yang membuat tempahan kereta nasional dengan kuantiti yang besar dan kemudian menjualkannya dengan harga yang lebih tinggi pula, bilangan yang terlibat adalah kecil. Keadaan seperti ini akan berlaku di dalam keadaan pasaran di mana permintaan melebihi bekalan seperti yang sedang berlaku bagi kereta-kereta nasional kita. Pemasang-pemasang kereta nasional sedang berusaha untuk meningkatkan jumlah pengeluaran masing-masing supaya tempoh masa menunggu pesanan dapat dikurangkan.

Selain daripada itu, pihak pembeli juga haruslah bekerjasama dengan menggunakan kuasa yang terdapat pada mereka supaya tidak membeli kereta-kereta tersebut dari penjual-penjual kereta terpakai. Tindakan oleh sekumpulan kecil pembeli-pembeli yang berkemampuan dan sanggup membayar pada harga yang tinggi untuk memenuhi keperluan masing-masing hanya akan menggalakkan aktiviti ini berterusan.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita selalu mendengar bahawa setiap kali pihak Proton sedang berusaha untuk meningkatkan jumlah pengeluaran kereta-kereta nasional. tetapi perkara ini

sudah lama dibangkitkan. Jadi, saya ingin tahu apakah tindakan-tindakan yang konkrit yang telah diambil oleh pihak Proton untuk hendak meningkatkan pengeluaran kereta nasional, yang mana kalau sekiranya pengeluaran ini tidak ditingkatkan, maka masalah yang dihadapi oleh pembeli-pembeli pada hari ini akan berterusan dan akan berlanjutan sampai bila-bila.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita semua sedia maklum, Proton telah pun diambil alih saham sebahagiannya oleh pihak swasta dan mengikut maklumbalas yang telah diterima, sektor swasta berkenaan telah pun membuat pelaburan secara besar-besaran untuk menambahkan kapasiti kilang pemasangannya, bukan sahaja untuk cuba memenuhi permintaan dalam negeri, tetapi juga memenuhi permintaan eksport untuk Proton yang kian begitu menggalakkan di pasaran antarabangsa. Jadi, saya percaya ini akan mengambil masa sedikit untuk pengubahsuaian dan pertambahan kilang dibuat, terutamanya dengan adanya satu kilang pemasaran yang besar yang dibuka di Perak, maka kita terpaksa menunggu sedikit masa sebelum target pengeluaran optimum itu dapat dicapai oleh syarikat berkenaan.

Tetapi buat masa ini kalau ada pihak pengguna yang dipaksa dalam keadaan yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Sungai Benut ini, maka hendaklah melaporkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna supaya kita boleh meminta sama ada EON ataupun USPD mengambil tindakan sewajarnya ke atas pengedar-pengedar mereka yang membuat tindakan yang tidak sewajarnya.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, mengenai aduan, saya ingin bertanya, adakah kementerian pernah menerima aduan mengenai kekurangan stok kereta nasional ini di mana bakal-

bakal pembeli terpaksa menunggu sehingga 6 bulan untuk mendapatkan kereta mereka? Apakah sebenarnya masalah menyebabkan timbulnya masalah pembekalan kereta ini berlaku begitu memuncak sekali? Saya juga ingin bertanya, adakah terdapat unit-unit kenderaan yang sepatutnya dieksport ke luar negara, dijual di dalam negara bagi mengatasi masalah yang begitu meruncing?

Dato' Seri Rafidah Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memang kita ada menerima aduan-aduan terutama pada masa-masa permintaan itu berkemuncak dan kadang-kadang menunggu sehingga 6 - 7 bulan. Memang benarlah dan kita semak dengan pemasang-pemasang kereta sama ada ianya Proton dan kita telah mendapat maklum balas di mana yang boleh mereka cuba memenuhi permintaan. Tetapi kita lihat kadangkala stok-stok di tempat-tempat tertentu berkurangan, kerana pengedar tidak mendapat stok yang mencukupi. Ini mengikut pengedar. Tetapi ada tempat-tempat lain, di mana pengedar itu mendapat bilangan stok yang lumayan, jadi ia kadang-kadang melibatkan kurangnya bekalan, tidak menyeluruh, tetapi di tempat-tempat tertentu. Kita menasihatkan Proton, EON terutama supaya memastikan bekalan-bekalan stok di kalangan pengedar ini adalah seimbang dengan permintaan di kawasan-kawasan tertentu.

Mengenai unit-unit yang dieksport dijual dalam negeri, ini tidak mungkin berlaku kerana kereta-kereta yang dieksport itu mempunyai ciri-ciri teknikal sendiri. Jadi, kerana mereka telah dipesan untuk dieksport, maka unit ini dibawa keluar. Kerana misalan kata, di negeri di mana ia perlukan 'equipment', dengan izin, peralatan tertentu di Eropah dan sebagainya, tidak boleh dijual di sini, kerana tidak sesuai dengan keperluan kita, standardnya pun lain. Terima kasih.

RUMAH KOS RENDAH— MASALAH UTAMA KEGAGALAN PROJEK

17. Dato' Salomon bin Selamat (Shah Alam) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) sejauh manakah matlamat pembinaan perumahan kos rendah telah dicapai di bawah Rancangan Malaysia Keenam mengikut prestasi negeri-negeri di seluruh negara; dan
- (b) daripada matlamat pencapaian tersebut berapakah projek-projek yang telah dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan dan pihak swasta serta apakah masalah-masalah utama yang menyebabkan kegagalan projek perumahan kos rendah.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan bahagian;

- (a) Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, matlamat pembinaan rumah kos rendah ialah sebanyak 343,800 unit. Daripada jumlah itu, sebanyak 258,255 unit, iaitu 75.1% telah disiapkan. Prestasi mengikut negeri, kerana ada banyak angka, saya tidak akan membacanya di sini. Tetapi saya sudah lampirkan jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat berkenaan.
- (b) Daripada 258,235 unit yang sudah siap, sektor awam telah membina sebanyak 41,176 unit dan sektor swasta sebanyak 217,059 unit. Di antara masalah utama yang menyebabkan kegagalan beberapa projek rumah kos rendah ialah peningkatan kos tanah dan infrastruktur seperti kos jalan dan perparitan, bekalan air dan bekalan api dan sistem rawatan kumbahan najis.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, masalah perumahan kos rendah ini memang seringkali diutarakan oleh rakyat yang memerlukan rumah.

Pada satu ketika dahulu, kita telah difahamkan bahawa kerajaan akan menubuh Lembaga Perumahan Negara bagi mengatasi masalah-masalah ini dan mungkin juga lembaga ini akan mengambil alih di segi pembinaan rumah kos murah ataupun kuota-kuota rumah kos murah yang diperuntukkan kepada pemaju-pemaju itu disalurkan melalui Lembaga Perumahan Negara supaya mereka dapat membina rumah tersebut dengan lebih berkualiti, kerana banyak kompelin rumah kos rendah ini tak berkualiti. Jadi, sejauh manakah kertas tentang penubuhan Lembaga Perumahan Negara. Pada setahun lalu kata ada pada AG. Jadi, sudah keluarkah daripada AG?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan untuk mengadakan satu Lembaga Perumahan Negara buat masa sekarang sudah digantungkan, kerana kita rasakan dengan cara baru untuk membina rumah-rumah di seluruh negara, iaitu kita menggalakkan pihak swasta untuk mengambil—bukan mengambil alih, tetapi mempertanggungjawabkan kebanyakan projek-projek perumahan, maka Lembaga Perumahan Negara ini tujuannya tidak sesuai lagi.

Kalau kita hendak bincang masalah menjalankan penguatkuasaan dari segi undang-undang, maka kementerian dengan Jabatan Perumahan Negara sudah pun mampu untuk menjalankan tugas ini. Oleh sebab itu, maka Lembaga ini tidak akan ditubuhkan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun suntuk.

(Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6, 10, 12, 14 dan 18 hingga 77 akan dijilid dalam buku berasingan)

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

3.30 ptg.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), maka Dewan pada hari ini mengambil keputusan bahawa Majlis-majlis Mesyuarat pada 22hb, 23hb, 25hb, 30hb dan 31hb Julai ini hendaklah dimulakan pada jam 9.30 pagi hingga 12.30 tengah hari, dan selepas itu, daripada 2.30 petang hingga 6.30 petang. Dan pada 24hb Julai, 1996 Mesyuarat hendaklah dimulakan pada jam 9.30 pagi hingga 11.30 pagi. Selepas itu, dari jam 2.45 hingga 6.30 petang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Cik Zainab binti Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah usul sepertimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), maka Dewan pada hari ini mengambil keputusan bahawa Majlis-majlis Mesyuarat pada 22hb, 23hb, 25hb, 30hb dan 31hb Julai ini hendaklah dimulakan pada jam 9.30 pagi hingga 12.30 tengah hari, dan selepas itu, daripada 2.30 petang hingga 6.30 petang. Dan pada 24hb Julai, 1996 Mesyuarat hendaklah dimulakan pada jam 9.30 pagi hingga 11.30 pagi. Selepas itu, dari jam 2.45 hingga 6.30 petang.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1996) 1996

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.) (BIL. 2) 1996

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996) 1996 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1996 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (*Hari ketiga*)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa).

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat diminta jawab.

3.38 ptg.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan sebanyak terima kasih kepada tiga Ahli Yang Berhormat, iaitu dari Kepong, dari Jelebu dan dari Telok Kemang yang ada menyentuh berkenaan dengan dua perkara, iaitu peruntukan tambahan yang diminta pada tahun ini.

Jadi, mengikut apa yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Kepong dan Jelebu dan juga dari Telok Kemang, mereka tidak menyebut tentang apa sebab peruntukan ini dipinta. Tetapi sebaliknya menyentuh sedikit-sebanyak perkara dasar. Tetapi walau bagaimanapun, saya cuba memberi sedikit penjelasan berkenaan dengan apa yang disentuh Ahli dari Kepong.

Beliau mencadangkan kelas Tabika ini sebagai pusat serenti. Kalau saya dengar betul, dia kata adakah kerajaan menubuhkan pusat serenti di Tabika, di mana ibu-ibu dapat juga perkhidmatan-perkhidmatan lain seperti mencuci pakaian, penyediaan makanan bagi memudahkan mereka keluar bekerja.

Jadi, kalau saya tidak salah, pusat Serenti ini hanya berkenaan dengan orang yang bersalah dengan dadah.

Kedua, Yang Berhormat dari Jelebu menyentuh berkenaan dengan Tabika, beliau bercakap kelas-kelas ini dapat terus berfungsi dengan baik, cukup dengan kelengkapannya, tenaga pengajar dan lain-lain keperluan dan tidak pula memohon peruntukan wakil rakyat kemudian hari. Lokasi kelas-kelas hendaklah sesuai dan tidak di kawasan yang telah wujud banyak kelas tabika.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perpaduan Negara memang menyediakan kemudahan kelengkapan dan peralatan mengikut spesifikasi yang dipersetujui oleh Kementerian Pendidikan. Peruntukan tahunan diminta dari agensi pusat untuk pembaikan kelas setiap tahun. Buat masa ini kelengkapan kemudahan dan peralatan kelas adalah mencukupi untuk keadaan sekarang.

Mengenai latihan guru, guru Jabatan Orang Asli, Jabatan Perpaduan Negara dilatih selama 300 jam oleh jurulatih yang dilatih oleh Kementerian Pendidikan. Kurikulum latihan disediakan bersama dengan Kementerian Pendidikan dan Kemas.

Tuan Yunus bin Rahmat: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: (Tuan Ong Tee Keat) Yang Berhormat, Jelebu bangun.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Sedikit lagi. Nanti siap saya boleh beri peluang. Jabatan Perpaduan Negara pada dasarnya tidak membuka kelas di mana telah wujudnya kelas di bawah agensi lain.

Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mendapatkan penjelasan sedikit mengenai dengan wujudnya kelas tabika di kawasan Parlimen saya di Kuala Kelawang, Jelebu. Apa yang kita perhatikan, kelas tabika ini hanya disewa, bangunan yang disewa daripada pihak perseorangan iaitu dari rumah murah yang telah dibina dan dimiliki oleh orang perseorangan. Jadi bangunan ini disewa dan dijadikan kelas tabika. Jadi saya lihat apa yang menyedihkan ialah kawasannya tidak begitu terurus dan peralatannya tidak mencukupi.

Soalannya, adakah dibenarkan oleh pihak kementerian, Jabatan Perpaduan Negara, menyewa rumah kos rendah untuk dijadikan tabika dan ianya tidak

begitu sempurna kedudukannya. Dan di samping itu, guru yang mengajar di sekolah itu satu bulan, dua bulan dan selangnya lepas itu dia berhenti dan kadang-kadang datang dan kadang-kadang tak datang kerana pegawai perpaduan daerah tidak ada setelah ditukarkan ke Seremban dalam tempoh lima, enam bulan yang lalu masih tidak diganti lagi? Saya mohon penjelasan, terima kasih.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Pengerusi, kalau begitu saya berterima kasih kepada Yang Berhormat dari Jelebu telah memberi segala keterangan yang beliau telah tahu. Jadi, oleh kerana itu perkara yang disebut mulanya mengenai menyewa rumah kos rendah tetapi yang saya tahu Jabatan Perpaduan Negara telah dapat menyewa rumah di kawasan perumahan sama ada itu rumah kos rendah ataupun sederhana tetapi memang dilengkapi dengan segala peralatan. Sekiranya ada kekurangan, perkara ini dapat ditambah. Tetapi berkenaan dengan guru ini, saya berjanji akan menyasat perkara ini dengan Jabatan Perpaduan Negara.

Begitu juga Yang Berhormat dari Telok Kemang menyentuh berkenaan dengan tabika. Beliau mencadangkan peruntukan tambahan ini dapat digunakan sebagaimana untuk mengadakan kelas tersebut di kawasan luar bandar dan ladang-ladang di mana beliau dapati kurang kelas-kelas tabika dan yang ada kurang memuaskan. Jadi, mengikut apa yang saya ada di sini iaitu kelas tabika di luar bandar ataupun apa yang saya dengar semalam iaitu di estet kita ada 24 kelas tabika di estet di seluruh semenanjung. Jadi oleh kerana itu memang sudah ada tetapi peruntukan yang diminta ini untuk mengadakan peralatan dan guru-guru untuk kelas tabika 50 buah yang telah diluluskan oleh kementerian. Jadi peruntukan ini hanya untuk 50 kelas tabika sahaja dan bukan mengembangkannya. Perkara itu boleh dikira dalam masa tahun hadapan.

Berkenaan dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Yang Berhormat dari Kepong menyokong bantuan persekolahan untuk anak-anak Orang Asli. Beliau juga membangkitkan isu masalah peralihan bagi sekolah-sekolah di bawah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang akan diambil alih oleh Kementerian Pendidikan seperti kekurangan guru yang akan mengajar di sekolah yang jauh. Begitu juga Yang Berhormat dari Jelebu telah mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana mengambil berat mengenai pendidikan anak-anak Orang Asli. Namun demikian langkah-langkah dari segi motivasi anak-anak Orang Asli untuk belajar juga perlu diberi perhatian. Beliau juga menyentuh sikap pegawai-pegawai dan guru-guru Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang kurang agresif dan minat untuk memberi galakan kepada anak-anak Orang Asli dari segi pendidikan terutama di kawasan pedalaman. Jadi peruntukan yang diminta iaitu oleh kerana sekolah Orang-orang Asli ini telah diambil alih oleh Jabatan Pendidikan mulai dari awal tahun ini ataupun dari 1hb Januari 1996, jadi peruntukan yang diminta oleh kementerian ataupun Jabatan Hal Ehwal Orang Asli iaitu sebanyak mulanya minta RM6,605,183 tetapi hanya lulus RM2 juta.

Ini oleh kerana di sekolah-sekolah Orang Asli ini perkara yang tidak diberi oleh Jabatan Pendidikan Orang Asli ini iaitu yuran persekolahan, yuran peperiksaan, pakaian seragam sekolah, catuan makanan, bantuan makan waktu rehat, tambang pengangkutan pergi balik, peralatan sekolah, keperluan diri pelajar, bantuan pendidikan dan upah pekerja sambilan. Ertinya perkara ini memang patut dibiayai oleh ibu bapa anak-anak Orang Asli. Tetapi kita lebih tahu anak-anak Orang Asli tidak mampu, jadi diberi kelonggaran. Perkara ini di sekolah yang biasanya sekolah rendah memang patut dibiayai oleh ibu bapa yang saya sebut tadi. Jadi oleh kerana itu, itulah sebab

peruntukan yang diminta RM3,500,000 ini perlu untuk peralihan sekolah Orang Asli kepada Jabatan Pendidikan di dalam negara ini.

Jadi, itu sahaja Tuan Pengerusi, yang saya dapat jelaskan iaitu berkenaan dengan peruntukan yang diminta RM1 juta bagi Jabatan Perpaduan Negara dan RM3,500,000 bagi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,000,000 untuk Maksud B.42 dan RM3,500,000 untuk Maksud B.43 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,000,000 untuk Maksud B.42 dan RM3,500,000 untuk Maksud B.43 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.44 (Jadual)—

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepala Bekalan B.44 di bawah Kementerian Penerangan terbuka untuk dibahas. Bagan.

3.51 ptg.

Tuan Lim Hock Seng (Bagan): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Maksud Bekalan B.44 di bawah Kementerian Penerangan, di hadapan meja kita ada satu permintaan untuk sejumlah RM5,000,000 untuk membiayai aktiviti Jabatan Perkhidmatan Penerangan.

Tuan Pengerusi, 'untuk aktiviti Jabatan Perkhidmatan Penerangan' satu perkataan yang begitu kabur. Pada permulaan tahun ini iaitu 1996, Kementerian Penerangan

telah mendapat satu jumlah peruntukan sebanyak RM319 juta dan sekarang diminta lagi RM5 juta untuk menjalankan aktiviti. Seperti yang diketahui umum, Jabatan Perkhidmatan Penerangan, aktiviti-aktivitinya merangkumi banyak aspek baik dari segi penyiaran TV dan juga radio dan juga menerangkan polisi-polisi kerajaan kepada rakyat.

Dalam Perbekalan Tambahan yang kami telah berbahas selama ini, maksud Bekalan B.4—Suruhanjaya Pilihanraya telah diperuntukkan RM11 juta untuk pilihan raya umum Dewan Undangan Negeri Sarawak dan juga Polis Diraja Malaysia sejumlah RM5.7 juta untuk menjalankan tugas-tugas anggota polis bagi pilihan raya negeri Sarawak. Saya ada "indication" bahawa RM5 juta ini mungkin akan digunakan untuk kegiatan di pilihan raya umum di negeri Sarawak juga tetapi tidak diterangkan di sini.

Tuan Pengerusi, sebenarnya peranan yang dimainkan oleh Kementerian Penerangan adalah memihak kepada kerajaan atau parti pemerintah. Saya ambil contoh dalam Pilihanraya Kecil Bukit Asahan, Melaka baru-baru ini. Kementerian Penerangan telah memainkan satu peranan yang begitu memihak kepada Barisan Nasional. Kami ada di sana dan kami nampak dengan mata sendiri. Tuan Pengerusi, dalam ceramah atau jamuan makan malam yang dianjurkan oleh Barisan Nasional, kami nampak kereta Jabatan Penerangan memasang pembesar-pembesar suara (PA System) di tempat-tempat jamuan atau tempat perhimpunan, ini memakai PA System dari Jabatan Penerangan, Tuan Pengerusi. Dan juga kenderaan bergerak Jabatan Penerangan pergi merata-rata tempat untuk memanggil orang-orang kampung keluar beramai-ramai untuk menyertai perhimpunan Barisan Nasional dan bukan sahaja alat-alat dan kelengkapan-kelengkapan Jabatan Penerangan digunakan, pegawai-pegawai kerajaan terus dihantar ke kawasan

tersebut. Saya nampak Pegawai Pembantu Penerangan Luar Khas sejauh dari Pulau Pinang dan saya kenal mereka, sejauh dari Pulau Pinang pun dihantar ke Bukit Asahan untuk menjalankan tugas mereka dan di sini saya ingin menanya kepada Kementerian Penerangan, apa tugas Pegawai Pembantu Penerangan Luar Khas yang dilantik kononnya oleh wakil-wakil rakyat Barisan Nasional?

Tuan Pengerusi, sebenarnya Kementerian Penerangan atau Jabatan Penerangan adalah satu bahagian (machinery) dari kerajaan dan perlu menjalankan tugas mereka dengan adil dan saksama dan bukan memihak kepada satu parti iaitu Barisan Nasional sahaja. Parti itu lain, kerajaan itu lain, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, juga saya ingin menyentuh satu perkara iaitu baru-baru ini Menteri Penerangan telah mengumumkan bahawa dalam pilihan raya umum negeri Sarawak ini, parti-parti yang menamakan melebihi 10 orang calon akan dapat peluang muncul di kaca televisyen. Mereka dapat peluang untuk muncul dalam kaca TV untuk menerangkan polisi-polisi dan menjalankan kempen-kempen pilihan raya mereka. Tetapi, parti-parti yang menamakan kurang dari 10 orang calon tidak dapat peluang untuk muncul di kaca TV.

Tuan Pengerusi, ini adalah sangat tidak patut dan tidak adil. Bukan semua pilihan raya dan bukan semua parti akan menamakan calon-calon mereka beramai-ramai. Bagaimana dengan orang-orang persendirian (independent candidate)? Mereka langsung tidak ada peluang. Bagaimana seperti DAP, mereka tidak akan menamakan calon seramai 10? Mungkin ada 3, mungkin ada 4, tetapi peluang mereka direbut untuk muncul di kaca TV. Jikalau hendak memberi peluang kepada calon-calon atau parti-parti yang ambil bahagian dalam pilihan

raya ini diberi kepada semua tetapi masanya biarlah mengikut bilangan calon. Seperti kalau seorang calon diberi 10 minit, kalau Barisan Nasional hendak menamakan 40 orang calon, ia diberi masa yang cukup panjang. Kalau seorang independent candidate, dia diberi 10 minit, itu baru adil dan bukan merampas peluang candidate yang lain.

Tuan Pengerusi, dengan kata-kata itu, dua tiga perkara yang saya sebut tadi, saya berharaplah permintaan sebanyak RM5,000,000 ini boleh dipakai untuk tujuan-tujuan yang betul-betul memanfaatkan kepada rakyat dan bukan untuk dijadikan alat untuk membantu Barisan Nasional di dalam pilihan raya negeri Sarawak sahaja atau di mana-mana pilihan raya kecil atau pilihan raya umum.

Sekian sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Jelebu.

3.58 ptg.

Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu): Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin juga mengambil bahagian dalam Kepala B.44—Kementerian Penerangan, khususnya kepada Kepala 030000—Perkhidmatan Penerangan.

Tuan Pengerusi, kita mengucapkan syabas dan tahniahlah kepada kementerian yang telah mengambil langkah yang begitu awal untuk menjangkakan keperluan perbelanjaan bagi setengah tahun yang pertama ini dan kita berharap dengan permintaan bersama dengan justifikasi yang dikemukakan itu, kementerian akan dapat menjalankan tugas-tugas dengan baik dan teratur.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang Butiran 030200—Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat. Ini yang kita lihat sebanyak RM3.6 juta telah pun cuba

dipohon untuk perbelanjaan-perbelanjaan bagi Butiran 10000, Butiran 20000 dan Butiran 30000 yang mana pada hemat saya peruntukan ini amat diperlukan oleh pihak kementerian.

Tuan Pengerusi, cuma satu perkara yang ingin saya sentuh supaya bahagian ini akan dapat menjalankan tugas dengan baik bagi faedah dan perpaduan masyarakat yang ada di negara kita dengan melancarkan program-program yang diatur dan dirancang dengan baik. Apa yang membimbangkan Tuan Pengerusi, pada waktu ini terdapat di antara pegawai-pegawai yang telah dilantik sebagai penyelia penerangan khas telah tidak menjalankan tugas dengan baik, malah telah menimbulkan masalah-masalah di dalam sesuatu kawasan Parlimen di mana beliau bertugas dengan mengadu-dombakan keadaan dengan pemimpin yang ada di sesuatu kawasan.

Saya berharap kementerian akan dapat mengambil tindakan yang serius, tindakan yang telus supaya orang-orang yang telah diberikan kepercayaan tidak akan keterlaluan dan boleh memecahbelahkan perpaduan masyarakat dan juga parti yang sedia ada. Saya perlu merujuk perkara ini kerana di dalam Parlimen saya khususnya perkara ini telah hampir menimbulkan permasalahan di antara masyarakat dan juga kepimpinan yang ada di dalam bahagian Parlimen Jelebu.

Mengenai dengan tuduhan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Bagan, saya rasa perkara ini tidak wajar diketengahkan, kerana itulah tugas dan fungsi bahagian ini di mana mereka haruslah memberikan permakluman dan juga penerangan kepada seluruh masyarakat supaya mesej dan dasar kerajaan itu akan dapat disampaikan dengan penuh hati-hati dan juga terancang. Sebab itulah kementerian melalui jabatan-jabatan yang ada seharusnya mengambil satu langkah yang wajar agar masyarakat dan juga jabatan

akan dapat dihampirkan di mana maklumat-maklumat akan dapat disebarkan dengan begitu baik.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menimbulkan dan mencadangkan sekiranya kementerian masih belum lagi mengambil langkah-langkah yang tertentu mengenai dengan penubuhan pusat penerangan yang telah dirancang selama ini. Apa yang telah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Sembilan telah mencadangkan untuk tanah seluas 50 ekar di Parlimen Jelebu akan disediakan untuk pusat latihan Kementerian Penerangan ini akan dapat dibina.

Apa yang harus saya tekankan di sini bagi pihak rakyat dan juga pengundi di kawasan Parlimen Jelebu khasnya berharap kementerian akan dapat mengambil langkah yang strategik dan juga cepat supaya pembangunan oleh agensi pusat ini akan dapat membantu sedikit-sebanyak proses pembangunan yang ada di kawasan luar bandar terutamanya di kawasan-kawasan seperti Parlimen Jelebu ini.

Saya berharap dengan langkah yang progresif dan positif ini, kementerian akan dapat menyediakan satu peruntukan yang begitu sesuai dan baik supaya kawasan yang telah dikenal pasti itu akan dapat diuruskan dengan baik dan dipercepatkan lagi pembangunannya. Dengan kata-kata itu Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Tuaran, selepas ini kementerian akan menjawab.

4.06 ptg.

Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran): Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan Maksud B. 44 sekali gus.

Terutama sekali saya ingin menyentuh tentang fungsi Kementerian Penerangan. Memang kita akui bahawa Kementerian Penerangan mempunyai peranan yang penting di dalam bukan sahaja penyebaran maklumat am mengenai dasar kerajaan kepada rakyat keseluruhannya, tetapi juga mengenai perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh mana-mana kementerian kepada semua ahli masyarakat di seluruh negara.

Saya merasa kesal kerana setakat ini belum ada lagi terdapat penerangan-penerangan khusus yang dibuat oleh kementerian sama ada melalui RTM ataupun Jabatan Penerangan. Misalnya beberapa kemudahan kewangan yang disediakan oleh beberapa kementerian untuk membantu masyarakat menceburkan diri di dalam bidang perniagaan, tetapi tidak ada penerangan yang diberikan bagaimanakah rakyat dapat memanfaatkan bantuan-bantuan yang disediakan oleh kerajaan ini. Misalnya bantuan kewangan ataupun pinjaman yang disediakan oleh Kementerian Pertanian, Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan juga Kementerian Belia dan Sukan. Banyak faedah yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat, tetapi masyarakat umumnya tidak tahu di mana akan mendapat bantuan-bantuan atau bagaimanakah boleh mendapatkan bantuan-bantuan itu? Jadi, saya mintalah kepada kementerian di dalam hal ini supaya lebih aktif atau proaktif di dalam hal ini dan prihatin tentang kehendak atau keperluan rakyat.

Kita mengakui hakikat bahawa memang banyak cara yang telah dilakukan oleh Kementerian Penerangan untuk menyampaikan maklumat mengenai dasar kerajaan, tetapi ini hanya di peringkat makro sahaja tidak ada mikro. Jadi, saya harap pihak kementerian akan membuat pengubahsuaian di dalam approach, dengan izin, mengenai hal ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang saya ingin kemukakan di sini ialah mengenai slogan 'Masyarakat Penyayang' yang dilaung-laungkan melalui rancangan TV ataupun radio. Ini memang penting disebarkan oleh kerana kita mahu supaya masyarakat kita ataupun negara membentuk masyarakat yang mengamalkan kasih-sayang di antara satu sama yang lain, tetapi malangnya kadangkang ada pula yang diburuk-burukkan di antara satu masyarakat atau satu pemimpin politik dengan pemimpin politik yang lain. Mungkin tidak keterlaluan kita mengatakan bahawa kadangkang RTM memainkan peranan yang melaga-lagakan pemimpin di antara satu sama lain, walaupun di dalam Barisan Nasional sendiri dengan secara "subtle", dengan izin.

Saya fikir peranan pihak RTM atau kementerian seharusnya dilakukan dengan lebih positif supaya kita dapat betul-betul membangunkan masyarakat penyayang yang tidak akan mengambil peranan ataupun mengambil pihak di dalam pergolakan di antara pemimpin-pemimpin.

Satu lagi perkara yang berkaitan dengan....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Rompin bangun minta jalan, hendak beri tak?

Tuan Yunof Edward Marinking: Nanti berucap sendirilah—minta maaf Rompin, oleh kerana ini.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Berucap sendiri atau berucap kepada Dewan?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dia tidak mahu beri jalan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sebab boss ada; takut ataupun hendak cuba beritahu banyak lagi hujah supaya boss naikkan pangkat akan datang ini?

Tuan Yunof Edward Marinking: Minta maaf, Tuan Pengerusi.

Satu lagi perkara Tuan Pengerusi, ialah mengenai kebajikan kakitangan RTM. Sudah menjadi pengetahuan umum terutama dari Sabah di mana ramai kakitangan RTM di Kota Kinabalu ditukarkan ke Semenanjung. Kita tidak membantah oleh kerana ini adalah satu proses integrasi nasional yang perlu disokong.

Perkara yang saya ingin sentuhkan di sini ialah di mana kakitangan RTM diceraikan daripada keluarga mereka, anak-anak mereka. Jadi, adakah ini satu contoh yang baik untuk slogan 'Masyarakat Penyayang'? Kalau RTM tidak boleh mengambil perhatian atau tidak mempunyai perasaan atau kebajikan langsung terhadap kakitangannya sendiri, bagaimanakah kita boleh mengambil iktibar dengan erti kata sebenar mengenai hal 'Masyarakat Penyayang' ini?

Jadi, saya mintalah kepada pihak kementerian supaya menyalut beberapa orangkah kakitangan RTM yang dulu bertugas di Kota Kinabalu, kini bertugas di Angkasapuri dan bercerai ataupun berpisah dengan keluarga mereka. Ini penting oleh kerana kita tahu perkhidmatan itu diperlukan, tetapi janganlah pula kakitangan itu diceraikan daripada anak-anak ataupun keluarga mereka, suami ataupun isteri, kita tahu akibatnya.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini supaya pihak kementerian bukan sahaja Kementerian Penerangan tetapi mungkin Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat supaya mengambil iktibar berbincang

mengenai hal ini supaya jangan berlaku sesuatu yang tidak baik dan boleh menimbulkan lagi perasaan yang tidak baik di antara kakitangan RTM sendiri ataupun Kementerian Penerangan sendiri.

Tuan Pengerusi, masih mengenai hal kebijakan kakitangan RTM iaitu saya juga ingin membuat cadangan di sini supaya kakitangan ataupun pegawai-pegawai yang sudah hampir bersara supaya diberi peluang untuk kembali ke kampung halaman masing-masing ataupun sekurang-kurangnya di negeri masing-masing seawal-awalnya untuk persiapan persaraan, jangan biar mereka tunggu di Kuala Lumpur hingga ke akhir atau hari yang terakhir mereka bersara, oleh kerana banyak kalau sudah lama meninggalkan kampung halaman maka perlu banyak persiapan bagi mereka untuk bersara nanti yang mesti diambil kira.

Saya juga ingin menyentuh tentang kedudukan Pengarah RTM Kota Kinabalu. Saya difahamkan bahawa Pengarah RTM sekarang ini hanya memangku dan dia memangku dua jawatan. Persoalannya di sini ialah adakah dia terlalu efisien sehingga dia boleh memegang dua jawatan? Kita tahu RTM mempunyai peranan yang penting juga. Kalau ada dua jawatan yang wujud, yang perlu diisi tidak ada masalah saya fikir untuk diisi kedua-dua jawatan itu supaya bukan sahaja menimbulkan perasaan iri hati di antara satu sama lain di kalangan kakitangan tetapi perkhidmatan akan lebih berkesan lagi.

Jadi, saya harap pihak kementerian akan menyiasat perkara ini, sama ada perkara ini betul dan perlu diambil tindakan, kalau betul, saya harap tindakan sewajarnya akan diambil.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli dari Badan, saya fikir itu tidak dapat dinafikan iaitu peruntukan ini mungkin juga satu persiapan untuk membantu pihak Barisan Nasional dalam

pilihan raya umum negeri Sarawak nanti dan memanglah tidak dapat dielakkan sebagai alat sebaran am bagi kerajaan, tidak boleh dinafikan ataupun tidak dapat dielakkan bahawa ia ada peranan di dalam hal ini tetapi janganlah dibuat melulu dan sehingga sanggup menjadi alat pembohongan pula, itu tidak profesional.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa cukup, Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Marinking: Tuan Pengerusi, saya akan gulung sekejap lagi. Jadi, saya harap pihak kementerian janganlah membiarkan wang rakyat digunakan semata-mata untuk kepentingan pihak-pihak tertentu sahaja tetapi haruslah digunakan untuk kepentingan masyarakat umum dan kepentingan negara haruslah diambil kira. Itu sahaja sumbangan saya, Tuan Pengerusi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri sila jawab.

4.16 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed): Tuan Pengerusi, pertama saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bagan, Jelebu dan Tuaran yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan B. 44.

Suka saya dengan ringkasnya mengambil kesempatan ini untuk menyangkal atau menafikan apa yang telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan. Walaupun tempoh hari saya telah menjawab mengenai tuduhan pilihan raya kecil Asahan dalam ucapan penangguhan, rasanya tidak perlu dijawab lagi ...

Tuan Lim Hock Seng: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bagan bangun Yang Berhormat, hendak beri atau tidak?

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Beri saya selesaikan ini dahulu. Walaupun sudah dijawab dalam ucapan penangguhan minggu lalu, namun tak apalah saya ingin menerangkan semula bahawa pilihan raya Asahan penggunaan alat-alat Kementerian Penerangan seperti PA system dan lain-lain kemudahan adalah digunakan untuk menteri, timbalan-timbalan menteri dan setiausaha parlimen atau ketua-ketua menteri atau menteri besar. Ini memang sudah ada peruntukannya dan tuduhan mengatakan Jabatan Penerangan memanggil orang ramai supaya menghadiri perjumpaan Barisan Nasional, itu adalah tidak benar.

Di mana-mana pilihan raya kecil ataupun dalam keadaan fungsi kementerian, biasanya kita cenderung atau kita bertugas untuk memberi penerangan kepada orang ramai atau dalam konteks pilihan raya kecil kita ditugaskan untuk memanggil keluar orang ramai dan mengajar ataupun menunjuk cara mengundi yang tepat dan memberitahu supaya mereka menggunakan hak mereka mengundi. Kita menafi bahawa kita menjadi agensi bertanggungjawab agar orang ramai mengundi Barisan Nasional, itu adalah satu tuduhan yang tidak benar.

Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri ada turun ke Melaka semasa kempen pilihan raya kecil Bukit Asahan berlaku. Tetapi sebagai seorang yang hari-

hari berkempen pada masa itu, memang benar apa yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan bahawa alat jentera kerajaan telah disalahgunakan untuk membantu Barisan Nasional mencapai kemenangan.

Sungguhpun bukan kemenangan dengan majoriti yang mereka harapkan dan di sini adakah beliau sedar, kalau Yang Berhormat ingin menafikan apa yang menjadi hakikat, adakah Yang Berhormat sedar bahawa terdapat banyak pegawai atau ramai Pegawai Penerangan yang menjadi aktivis dalam parti-parti komponen Barisan Nasional di mana mereka digaji oleh kerajaan untuk menjalankan kerja kempen untuk Barisan Nasional.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat. Saya pergi dua, tiga kali di Asahan dan kalau nak kecil hati saya boleh kecil hati sebab waktu saya pergi ke Asahan, tidak ada pegawai penerangan yang menunggu ataupun mengikuti rombongan saya. Itu jelas sekali, dan kalau mereka menjalankan kempen untuk Barisan Nasional, ini pun tidak ada. Dalam pandangan saya tidak ada bukti, mereka ditugaskan di sana adalah untuk mendidik ataupun memberitahu orang ramai ataupun meminta orang ramai, pengundi-pengundi menggunakan hak untuk mengundi dan memanggil mereka keluar mengundi dan menunjuk ajar cara bagaimana mereka mengundi. Ini sudah lazim di mana-mana pilihan raya kecil. Tetapi untuk Asahan saya ingat Yang Berhormat boleh tarik balik tuduhan itu.

Tuan Yunus bin Rahmat: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Jelebu bangun, Yang Berhormat.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tarik balik tuduhan mengatakan pegawai penerangan terlibat dalam Barisan Nasional.

Tuan Yunus bin Rahmat: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Jelebu bangun, Yang Berhormat.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Mengenai dengan kempen Bukit Asahan, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat mengetahui dan sedar dan ingin memberitahu pihak DAP, sekurang-kurangnya Barisan Nasional telah mengambil langkah yang baik dan selamat untuk mengadakan kempen dan perhimpunan. Ada tempat yang terurus, tempat yang disediakan di balai raya dan di kawasan-kawasan lapang. Tetapi apa yang kita perhatikan, apa yang dibuat oleh DAP sepanjang jalan, di tengah jalan pun orang berkumpul tanpa kawalan dan di kawasan kaki lima kedai. Jadi, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak memberitahu cara kita berkempen adalah cara yang bersih, teratur dan terurus, malah DAP menggunakan kesempatan memaki hamun pemimpin-pemimpin di dalam kerajaan di tengah-tengah jalan dan tidak menghiraukan kepentingan awam.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Saya hendak sampai di situlah sebenarnya. Tidak ada tertib, sekurang-kurangnya apa yang disebut oleh Yang Berhormat Jelebu itu betul, tetapi untuk lanjutannya, memang beberapa kemudahan diberikan. Kalau ada Majlis diberi kepada Menteri, Timbalan Menteri, Ketua Menteri dan Menteri-menteri Besar untuk digunakan apabila mereka melawat mana-mana pilihan raya, khususnya, dalam hal ini pilihan raya kecil Asahan.

Tuan Lim Hock Seng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bagan bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Pengerusi. Untuk pembedaan Timbalan Menteri sebentar tadi, Yang Berhormat tadi kata telah menjawab ucapan penangguhan yang saya bawa itu, tetapi saya tidak dapat membawa ucapan penangguhan saya kerana tiap-tiap hari pada pukul 6.30, bila kami di sini membangkitkan ucapan penangguhan, kami dibunuh atau digugurkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab di sebelah sana. Seperti sekarang, cuba kira berapa orang ada di sini? Kalau kami mahu, saya boleh bangkitkan Peraturan 13(1) —tidak cukup kuorum, tetapi kami bertanggungjawab tentang ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa untuk minta penjelasan, bukan

Tuan Lim Hock Seng: Ya, jadi, ucapan penangguhan saya berkenaan dengan Bukit Asahan tidak pernah bangkit di sini, dan Yang Berhormat tadi telah salah kerana kata telah menjawab tetapi sebenarnya belum menjawab. Dan saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada beliau sedar atau tidak semua dewan-dewan kerajaan, sama ada kerajaan tempatan atau di mana-mana tempat awam, padangkah, rumahkah, semua telah ditempah habis, mulai dari kempen pilihan raya sehingga hari mengundi - semua telah ditempah habis, kami tidak ada peluang langsung untuk menyewa atau

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, perkara ini tidak ada berkaitan dengan Butiran.....

Seorang Ahli : *Buat khemah.*

Tuan Lim Hock Seng: Ya, tadi mereka ada sebut juga.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kita kena jaga masa, Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Baik, jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar atau tidak keadaan ini dan bukan kita tidak ada tertib.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Pengerusi, untuk nasihat, lain kali buat permohonan lebih awal. Kalau membuat permohonan lebih awal saya ingat boleh dapatlah Dewan ataupun lain-lain tempat kemudahan untuk DAP. Berkaitan dengan ucapan penangguhan, walaupun tidak cukup kuorum, tetapi kita ada beri teks secara bertulis kepada Yang Berhormat. Jadi, Yang Berhormat boleh teliti dan mungkin sampai ke pejabat.....

Tuan Lim Hock Seng: Saya tidak ada terima apa-apa.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Saya akan pastikanlah. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Jelebu dan saya hendak terangkan berkaitan dengan pusat latihan penerangan yang dicadangkan akan dibina di tanah seluas 50 ekar di Jelebu dan kita mengucapkan berbilang terima kasih kepada kerajaan negeri yang telah memberi cadangan mengenai sebidang tanah tersebut. Projek ini telah dimasukkan dalam cadangan kementerian di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh tetapi tidak diberi peruntukan, namun demikian kementerian sedang memikirkan cara-cara lain, sama ada cadangan pembinaan ini diswastakan ataupun mendapat lain-lain punca peruntukan untuk dibina di kawasan tersebut.

Selain dari itu suka saya tegaskan bahawa yang disebutkan oleh Yang Berhormat mengenai pegawai penerangan khas, pegawai penerangan khas di mana-mana kawasan Parlimen adalah ditugaskan untuk menyampaikan maklumat mengenai dasar atau polisi kerajaan kepada masyarakat. Kalau mana-

mana pegawai penerangan khas ini menjadi punca pecah belah perpaduan dalam masyarakat atau pertubuhan-pertubuhan sukarela, tindakan disiplin akan diambil dan kalau serius, menyimpang dari tugas asal, kontrak mereka—oleh kerana mereka adalah pegawai kontrak, maka kontrak mereka tidak akan disambung, kalau mereka menjadi punca terhadap pecah belah masyarakat setempat. Ini saya beri jaminanlah kepada Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, selanjutnya, perkara-perkara yang telah dibawa oleh Yang Berhormat dari Tuaran yang mencadangkan kepada kementerian—beliau merasa kesal kerana Kementerian Penerangan termasuk RTM dan Jabatan Penerangan tidak memainkan peranan untuk menyampaikan maklumat-maklumat berkaitan dengan kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh kerajaan menerusi kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Pertanian, Kementerian Usahawan dan Kementerian Belia dan Sukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tuaran, Kementerian Penerangan mempunyai banyak booklet, risalah-risalah yang telah kita cetak dan sebarkan kepada orang ramai selain kita mengadakan kursus sivik dan lain-lain saluran untuk menerangkan tentang dasar kerajaan, polisi dan maklumat terperinci mengenai apa juga kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh kerajaan. Kita menerima baik agar satu pendekatan dibuat dalam konteks ini dan kita mengucapkan terima kasih dan insya-Allah, hal ini akan kita perbaiki dari masa ke semasa.

Berkaitan dengan slogan "Masyarakat Penyayang" yang beliau mengatakan bahawa RTM menjadi punca memburuk dan melaga-lagakan pemimpin antara seorang pemimpin dengan pemimpin yang lain, ini satu tuduhan yang amat serius dan RTM tidak pernah melakukan

demikian dan saya minta bukti, kalau tindakan pegawai-pegawai RTM ada melaga-lagakan antara satu pemimpin dengan pemimpin yang lain.

Tetapi saya hendak tegaskan bahawa ini bukan kerja kita. Kerja kita adalah untuk merapatkan antara pemimpin dengan pemimpin. Soal melaga-lagakan pemimpin, ini satu perkara yang cukup dahsyat. Saya memandang serius terhadap tuduhan ini. Saya harap dapatlah Yang Berhormat memberi bukti.

Berkenaan dengan pegawai-pegawai RTM atau Penerangan yang dipindah.....

Tuan Yunof Edward Maringking:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tuaran bangun, Yang Berhormat.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Sebentar ya, Yang Berhormat. Berkaitan dengan pegawai atau kakitangan RTM yang berpindah dari Kota Kinabalu ke Kuala Lumpur ataupun dari Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu, ini satu proses biasa. Barangkali ada pegawai-pegawai daripada Sabah ataupun Kota Kinabalu yang dinaikkan pangkat yang perlu bertugas di Kuala Lumpur. Jadi, tak usahlah Yang Berhormat menganggap bahawa pertukaran ini akan menjadi porak-peranda kepada keluarga pegawai tersebut.

Akhirnya, berkaitan dengan Pengarah yang disebutkan.....

Tuan Yunof Edward Maringking:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tuaran bangun, Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Minta penjelasan dua perkara, iaitu mengenai

peranan kementerian di dalam hal melaga-laga pemimpin. Maksud dalam hal ini bukan semata-mata di antara pemimpin-pemimpin, bukan sahaja di antara pemimpin-pemimpin kalangan Barisan Nasional sendiri, tetapi juga pemimpin masyarakat ataupun semua pemimpin di dalam negara ini. Oleh kerana kita mahu supaya jangan sesuatu perkara berlaku. Kita tahu apa terjadi di negara-negara lain bila ada pihak-pihak tertentu sengaja mengapi-api pertelingkahan di antara satu pemimpin dengan pemimpin yang lain. Saya hairan mengapa Yang Berhormat Timbalan Menteri menafikan ini. Saya harap ini bukanlah satu perkara yang sengaja dilakukan, kerana bukan sahaja kita tahu—semasa pilihanraya-pilihanraya yang lalu banyak perkara yang ditimbulkan oleh pihak RTM ataupun Jabatan Penerangan. Ahli Yang Berhormat dari Jelebu sendiri pun sudah menimbulkan perkara ini.

Yang kedua ialah mengenai dengan perkara penjelasan saya, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai kenaikan pangkat. Kalau kenaikan pangkat itu boleh memudaratkan keluarga kakitangan, maka saya rasa adalah menjadi tanggungjawab kemasyarakatan dan sosial bagi kementerian untuk menimbangkan bagaimanakah perkara ini boleh diringankan? Misalnya isteri ataupun suami seorang pegawai itu tinggal di Kota Kinabalu dan anak-anaknya tinggal di Kota Kinabalu. Bukannya senang balik tiap-tiap minggu melihat anak di Kota Kinabalu, ataupun berjumpa suami atau isteri di Kota Kinabalu. Ini terlalu 'very expensive process', dengan izin. Jadi, adakah ini satu perkara yang tidak patut diambil perhatian serius, dan tidakkah ada jalan lain untuk mengatasi masalah ini? Saya harap kementerian akan mempertimbangkan hal ini, bukan sahaja menjadi sebagai contoh, tetapi supaya menjadi satu amalan yang baik. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Pengerusi, saya kira Yang Berhormat juga tahu dan sedia maklum bahawa soal pertukaran pegawai adalah satu fenomena biasa. Jadi, mana-mana pegawai yang bekerja dengan kerajaan, dia mesti mematuhi arahan. Kalau dia dipindahkan ke tempat lain, dia perlu akur dan ikut. Apatah lagi kalau mereka ini dinaikkan pangkat, dan kalau berpisah dengan keluarga dia perlu bertanggungjawab membawa keluarga dia bersama. Saya ingat peraturan kerajaan bukan semua pegawai akan menetap di satu-dua tempat. Mungkin tugas dan tanggungjawab mereka memerlukan tuntutan terhadap mereka menukar dari satu kawasan ke satu kawasan. Ini perkara biasa, tak payahlah saya hendak jawab panjang lebar.

Mungkin yang disebut oleh Yang Berhormat mengenai melaga-lagakan pemimpin sama juga dengan apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Jelebu. Saya akan siasat, dan kalau benar mereka bertindak menjadi pemecah-belah masyarakat, tindakan serius akan kita ambil. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM5,000,000 untuk Maksud B.44 di bawah Kementerian Penerangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM5,000,000 untuk Maksud B.44 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.47 (Jadual)—

Maksud P.47 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1996)—

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepala Bekalan

B.47 dan Kepala Pembangunan P.47 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas. Kota Melaka.

4.35 pig.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan B.47 di mana tambahan sebanyak RM11,880,000 adalah dikehendaki untuk membiayai program latihan Pegawai-pegawai Kawalan Trafik daripada Jabatan Penerbangan Awam. Di sini, saya ingin tahu, sejauh manakah perhatian seperti ini akan dijalankan, dan faedah dan manfaat ekoran daripada latihan yang diberikan ini akan mendatangkan faedah kepada sistem penerbangan atau keselamatan kawalan trafik di negara kita.

Saya membangkit perkara ini kerana saya rasa khuatir, sungguhpun kita membelanjakan wang yang agak besar untuk memberikan latihan, di mana saya rasa adalah perlu supaya pegawai-pegawai dan juga kakitangan kita mendapat latihan yang sempurna. Kadangkala sungguhpun latihan dan perbelanjaan yang besar diberikan, ia tidak digunakan untuk tujuan yang ditetapkan. Sebagai contoh, di mana kemalangan besar berlaku di Genting Highlands, sungguhpun kerajaan telah menubuhkan satu pasukan petugas khas yang dinamakan SMART, tetapi ia tidak digunakan langsung untuk menjalankan kerja-kerja keselamatan. Ini telah menimbulkan perasaan tidak senang hati. Mengapakah kerajaan begitu lambat dengan tidak mahu menggerakkan atau menggunakan perkhidmatan yang sedia ada daripada pasukan petugas khas ini? Sedangkan kita telah membelanjakan wang yang agak besar untuk tujuan sedemikian.

Saya harap pihak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh memberikan jawapan tentang perkara ini, kerana ramai daripada mangsa-mangsa kemalangan tersebut ada merasa kurang senang hati sedikit mengapa kerajaan tidak menggunakan apabila ada, tidak digunakan. Apakah sebabnya, adakah ini merupakan satu 'bureaucratic red tape'? Kalau semua ini kerana bureaucratic red tape, selama 4 jam SMART tidak dihantarkan langsung. Saya rasa kita mesti mencari jalan untuk mengatasinya. Jangan kita tubuhkan satu 'rapid force' dengan izin, untuk menangani semua kejadian-kejadian kecemasan, tetapi akhirnya tidak boleh berjalan langsung.

Saya rasa ini merupakan satu 'breach of faith' dengan izin, ke atas rakyat Malaysia yang memang mengharap-harapkan bahawa dalam keadaan sedemikian, satu tindakan petugas yang cepat, segera dan berkesan boleh menjalankan tugas mereka. Saya percaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan memberikan jawapan mengenai perkara ini dengan lebih baik daripada rakannya dalam Jabatan Perdana Menteri, dan tidak akan cuba 'cover-up' apa-apa barang seperti yang berlaku tadi dalam masa Soal-Jawab.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Maksud Bekalan P. 47 di mana satu pinjaman mudah (soft loan) sebanyak RM1.2 bilion telah dipohon untuk membiayai pelaksanaan projek Sistem Rel Transit Ringan, Sistem 2 antara Gombak dan Petaling Jaya.

Tuan Pengerusi, ini merupakan satu jumlah yang agak besar. Hampir-hampir 50% daripada RM2.2 bilion yang dipohon dalam Anggaran Perbelanjaan Tambahan untuk bahagian mengurus dan pembangunan. Dan memandangkan jumlah yang begitu besar ini, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberikan butir-butir lanjut macam mana pinjaman mudah ini akan

dijalankan? Kerana kita sudah difahamkan bahawa projek ini telah diberikan kepada sebuah syarikat swasta dan kalau begitu mengapa pula kerajaan kena keluarkan wang lagi dan kalau kita keluarkan wang lagi, apakah jaminan yang kita boleh dapat bahawa wang ini tidak akan hangus?

Hanya ini yang kita risaukan dan bukan jumlah yang kecil, ini satu jumlah yang besar. Sama seperti Kerajaan Persekutuan telah pinjamkan RM1.21 bilion kepada Perwaja dan nampaknya akan hangus. Kalau begitu, sungguhpun akan hangus tetapi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen senyum sahaja, tidak boleh buat apa-apa untuk mendapat balik hutang pinjaman. Bukan salahnya, masa itu dia masih belum menjawab jawatannya. Tetapi kalau perkara ini boleh berlaku dan kita nampaknya tidak ambil berat, jumlah begitu besar berbilion-bilion ringgit, saya rasa Ahli-ahli Parlimen yang bertanggungjawab dan serius tentang tugas dan kerja mereka akan berasa risau.

Apakah jaminan bahawa wang ini pun tidak akan sama-sama hangus seperti Perwaja hangus? Bukan RM1 bilion - RM10.2 bilion dan saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh menjawab adakah pinjaman mudah ini akan diberikan secara pukal (lump sum) atau secara berperingkat-peringkat. Dan memandangkan ini adalah satu pinjaman mudah, apakah faedah atau adakah kita tidak kenakan faedah langsung atau apakah kadar faedah yang kita akan kenakan ke atas pinjaman ini? Dan sejauh manakah pinjaman ini akan dibayar balik? Dalam tempoh masa berapa lama?

Saya rasa semua ini adalah perkara penting dan memandangkan jumlah yang dipohon adalah besar, saya harap kalau boleh butir-butir yang lanjut ini boleh diberikan secara bertulis. Bukan dalam satu ayat sahaja kerana yang terbabit adalah satu jumlah RM1.2 bilion. Jumlah agak besar tetapi satu ayat sahaja. Ini

untuk projek Sistem Rel Transit Ringan — Sistem 2 antara Gombak dan Petaling Jaya. Saya rasa kalau untuk satu jumlah yang begitu besar hanya satu ayat, saya rasa itu tidak bertanggungjawablah dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen saya harap boleh merujuk kepada perkara ini dan berikan penjelasan macam mana wang ini akan digunakan dan kalau pun ini merupakan satu pinjaman mudah, apakah tindakan yang akan diambil kalau ia tidak dibayar balik mengikut jadual yang ditetapkan?

Kerana dalam pengalaman saya sebagai Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, saya lihat dan nampak banyak agensi kerajaan termasuk setengah-setengah syarikat swasta, bila dapat pinjaman dari kerajaan, mereka selalu melengah-lengahkan atau mengambil sikap acuh tak acuh terhadap semua pinjaman daripada kerajaan. Kadangkala tidak bayar langsung. Kalau bayar pun, hanya dibayar selepas semua pinjaman daripada institusi kewangan swasta atau komersil sudah bayar habis, baru mereka bersedia untuk bayar kepada pihak kerajaan. Dan di sini saya ingin tanya, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kerajaan kalau mereka lewat atau tidak bayar mengikut jadual yang ditetapkan? Adakah kerajaan akan biarkan sahaja atau mengambil tindakan tegas?

Oleh kerana itu, saya rasa kita perlu memberikan satu mesej bahawa bukan pinjaman daripada syarikat swasta yang diutamakan. Sebaliknya pinjaman daripada kerajaan mesti berikan prioriti yang lebih kerana ini melibatkan wang rakyat. Kalau mereka tidak bayar, ini saya rasa tidak lain daripada pengkhianatan kepada negara Malaysia kerana khazanah wang Malaysia terbabit dan saya harap pihak kerajaan akan memberikan jaminan bahawa tindakan tegas akan diambil, kalau sesuatu yang tidak kena berlaku.

Akhirnya Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk juga kepada Maksud P. 47 iaitu di mana RM100 juta dikehendaki sebahagian bayaran kemajuan Projek Pemanjangan Landasan Lapangan Terbang Langkawi.

Tuan Pengerusi, bolehkah saya tahu apakah kos keseluruhannya untuk Lapangan Terbang Langkawi? Kerana ini hanya untuk anggaran tambahan sahaja sudah RM100 juta. Adakah ini bermakna bahawa Lapangan Terbang Langkawi apabila siap nanti akan berharga RM1 bilion? Dan kalau begitu, adakah ini akan menjadikan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi lebih besar, lebih canggih, lebih maju, lebih moden daripada Lapangan Terbang Antarabangsa Alor Setar? Kalau begitu adakah ini bermakna bahawa ibu negeri Kedah akan dipindahkan esok ke Langkawi? Memandangkan sekarang Menteri Besar baru Kedah pun datang dari kawasan itu.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah saya gulung Tuan Pengerusi? Adakah had masa? Saya tidak tahu. Gulung sekejap. Memandangkan demikian, mengapa pihak kerajaan tidak mahu membina satu lapangan terbang antarabangsa di Melaka sedangkan ia merupakan satu ibu negeri dan pusat tumpuan sejarah Malaysia? Kalau pelancong asing datang ke Malaysia, mereka mesti datang ke Melaka, kalau tidak datang ke Melaka, seolah-olah sudah tidak sampai langsung di Malaysia. Dan kalau begitu, mengapa pula kerajaan tidak mahu bina sebuah lapangan terbang, bukan antarabangsa tetapi lapangan terbang yang boleh dianggap sebagai elok dan selaras dengan kedudukan Melaka sebagai satu pusat sejarah, pusat tumpuan pelancong di negara kita? Mengapa Melaka

dianaktirikan? Sedangkan ia merupakan satu sumber yang begitu kaya dengan tradisi, dengan sejarah, dengan budaya negara kita.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Gelang Patah.

4.48 ptg.

Tuan Chang See Ten (Gelang Patah): Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahas Maksud Perbekalan B. 47.

Saya ingin membahas Butiran 03400, tentang pembangunan Pelabuhan Barat di negeri Johor di kawasan Tanjong Pelepas iaitu di kawasan Parlimen Gelang Patah.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, peruntukan RM71.5 juta untuk membiayai kos mengambil balik tanah bagi projek Pelabuhan Barat di Tanjong Pelepas, saya ingin dapat maklumat dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan tentang tentang kos keseluruhannya untuk projek Pelabuhan Tanjong Pelepas ini. Dan berkenaan dengan tawaran pampasan yang diberikan kepada pekebun-pekebun kecil di kawasan Tanjong Pelepas, saya ingin memberitahu Tuan Pengerusi, bahawa luasnya tanah yang terlibat dalam projek Pelabuhan Barat ini ialah 783 hektar dan daripada jumlah keluasan itu, 181.57 hektar adalah dimiliki oleh Kerajaan Negeri Johor dan Kerajaan Persekutuan. Yang mana kerajaan negeri mempunyai 69 lot seluas 179.85 hektar dan Kerajaan Persekutuan mempunyai 6 lot seluas 1.72 hektar. Yang lainnya, 601.43 hektar adalah dimiliki oleh pekebun-pekebun kecil dan nelayan di kawasan itu dan ini menyebabkan lebih kurang 500 keluarga.

Gazet untuk PBT ini sudah diadakan pada 21hb Disember, 1995 dan gazet yang kedua pula pada 14hb Mac, 1996. Borang 'G' untuk tawaran pampasan telah diberikan pada 27hb Mei, 1996 dan pemilik-pemilik tanah ditawarkan dengan pampasan purata lebih kurang RM230,000 seekar. Tetapi daripada dialog dengan pemilik-pemilik tanah mereka meminta supaya diberikan pampasan sebanyak RM400,000 seekar. Oleh kerana perbezaan di antara yang ditawarkan oleh kerajaan dengan yang diminta oleh pemilik-pemilik tanah di kawasan Tanjong Pelepas, saya harap pihak Kementerian Pengangkutan dapat berunding dengan pihak kerajaan negeri, yang mana mereka sedang menguruskan tentang tawaran pampasan ini dapat mengadakan satu cara penyelesaian yang cukup baik, yang mana dapat melayan apa yang diminta oleh pekebun-pekebun kecil di kawasan itu, supaya dapat dielakkan daripada saluran ke mahkamah.

Tuan Pengerusi, satu soalan yang saya ingin tanya di sini, iaitu selepas pampasan dibayar, jika tanah-tanah pekebun kecil telah diambil, tetapi tanah itu belum dimajukan lagi kerana Projek Pelabuhan Barat ini akan mengambil masa yang panjang. Adakah pihak pemaju yang akan terlibat dalam penswastan pelabuhan ini akan membenarkan pemilik-pemilik pekebun kecil ini dapat melanjutkan cucuk tanam atau mengusahakan tanah mereka sehingga tanah mereka dimajukan oleh pihak pemaju dalam Projek Pelabuhan Barat ini? Kerana apa yang diamalkan oleh pemaju Peruling Development Sdn., Bhd., di Projek Bandar Baru Nusa Jaya, di kawasan Parlimen Gelang Patah yang berdekatan di sana, yang mana pihak Peruling Development Sdn. Bhd. sangat bermurah hati. Selepas pampasan sudah dibayarkan pemaju masih membenarkan pekebun-pekebun kecil melanjutkan segala usaha di tanah-tanah mereka dan surat-surat tawaran secara percuma ini sudah pun ditawarkan kepada mereka oleh pemaju

Peruling Development Sdn. Bhd. Oleh kerana itu saya harap dapatlah penjelasan dari Kementerian Pengangkutan sama ada amalan seperti ini dapat diadakan.

Tuan Pengerusi, ada satu perkara yang saya ingin bawa di sini iaitu seramai lebih daripada 500 keluarga yang akan dipindahkan daripada tempat projek ini. Saya harap pihak kementerian dapat mengadakan cara penempatan baru yang sesuai untuk semua penghuni di kawasan Tanjong Pelepas dan mereka berhasrat supaya dipindahkan ke kawasan berdekatan Tanjong Pelepas, iaitu di kawasan Tanjong Kupang atau Tanjong Adang yang berdekatan dengan Tanjong Pelepas, dan kawasan yang mana mereka akan ditempatkan mereka harap akan dapat mengadakan kemudahan-kemudahan asas yang baik sekali.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pampasan yang diberikan oleh kementerian atau kerajaan kepada pekebun-pekebun kecil seperti di Projek Bandar Baru Gelang Patah dan laluan kedua, semua pekebun kecil yang mempunyai tanah kurang dari 10 ekar diberikan peluang untuk memiliki saham di dalam syarikat yang akan memajukan Projek Bandar Baru Nusa Jaya itu. Saya harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk Projek Pelabuhan Barat di negeri Johor ini, pemilik-pemilik atau pekebun kecil pun akan diadakan satu peluang untuk memiliki saham dalam syarikat pemaju, kalau saya tidak silap nama syarikat iaitu Seaport Terminal Johor Sdn., Bhd., akan memberikan peluang saham kepada pekebun kecil.

Tuan Pengerusi, selain daripada apa yang saya tanya tadi, saya juga ingin tahu sama ada projek-projek Pelabuhan Barat ini akan dimulakan daripada peringkat tempoh projek ini. Saya harap akan mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada projek pembinaan Pelabuhan Barat ini akan dimulakan pada tahun ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, di dalam Dewan yang mulia ini saya ingin meminta pihak Kementerian Pengangkutan supaya dapat kerjasama daripada Kerajaan Negeri Johor dan pihak pemaju yang akan terlibat dalam projek penswastaaan Pelabuhan Barat di Tanjong Pelepas ini dapat memberikan segala perhatian berat tentang masalah-masalah sosial dan ekonomi yang bakal wujud akibat PBT ini. Dengan kata-kata yang demikian, saya menyokong maksud perbekalan ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Kepong, selepas ini kementerian menjawab.

4.57 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B. 47 dan P. 47 mengenai Program Latihan Pegawai-pegawai Kawalan Trafik Udara Jabatan Penerbangan Awam.

Tuan Pengerusi, nampaknya hampir RM12 juta dikehendaki untuk latihan tersebut dan bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan sejak Malaysia Airport Berhad mengendalikan semua lapangan terbang di Malaysia, apakah latihan yang diadakan oleh MAB untuk maksud ini? Adakah program ini bertindih dengan apa yang dijalankan oleh MAB dan untuk memastikan keselamatan trafik udara, apakah rancangan selain dari latihan tersebut kerana penerbangan awam sekarang sudah menjadi satu tumpuan yang besar, satu pelaburan yang besar di negara ini, secocok dengan perkembangan di rantau Asia Pasifik dan juga di seluruh dunia?

Dan di sini kita perlu mempertingkatkan perkhidmatan kawalan trafik udara untuk menampung keperluan masa akan datang. Tuan Pengerusi, selain daripada keperluan

untuk mengadakan kawalan trafik yang lebih baik untuk memastikan keselamatannya, apakah unjurannya bagi pihak kementerian untuk menjalankan tugas-tugas yang demikian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai P.47 terutamanya mengenai Lapangan Terbang Pulau Langkawi. Saya nampak, sejak tahun 1987, Air Bus boleh mendarat di Langkawi dan bilangan penumpang yang tiba di Lapangan Terbang Langkawi sudah meningkat daripada 17,300 kepada hampir 900,000 sekarang setiap tahun. Dan tidak lama lagi akan meningkat 1 juta penumpang Lapangan Terbang Langkawi. Ini merupakan satu kemajuan yang pesat satu gejala yang baik yang menunjukkan minat pelancong-pelancong di dalam negara dan juga pelancong asing untuk melancong ke Langkawi. Ini satu petanda yang baik.

Walau bagaimanapun, sejak siapnya dan dibukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, terminal baru yang menelan belanja RM70 juta. Dan saya nampak di sini, tambahan sebanyak RM100 juta yang dimintanya, wal hal terminal itu hanya RM70 juta sahaja. Dan sepertimana yang ditanya oleh Yang Berhormat Kota Melaka apabila kerja di Lapangan Terbang Langkawi akan disiapkannya berapakan jumlah yang diperlukan dan saya nampak daripada ini Tuan Yang di-Pertua, sekarang di Langkawi ada banyak kemudahan termasuk itu bilik VIP, VVIP saya ada nampak dan di Padang Mat Sirat dan juga Restoran, Setiausaha Parlimen, bingung sekarang tak dapat jawab, tak dapat jawab.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila, teruskan Yang Berhormat

Dr. Tan Seng Giaw: Dia tidak panggil pembantu dia, Terminal baru itu, ada, kalau tak silap saya 4 restoran, 23 kedai bebas cukai dan Tuan Pengerusi, saya

hendak mengetahui, kemudahan-kemudahan untuk imigresen, untuk 'bagas', 'bag', 'bagasi' sangat, istilah nampaknya tidak begitu sesuailah—Bagasi, sistem untuk imigresen, untuk bagasi, untuk pemeriksaan dan sebagainya bolehkah kita memastikan semua ini boleh dijalankan dengan cepat, bertaraf dunia kerana kita hendak majukan Lapangan Terbang, Langkawi.

Semua ini, kita memudahkan pelancongan yang tiba di Langkawi. Ini cara yang baik dan apakah sistem yang diadakan sekarang. Sebab saya nampak, walaupun ada kemajuan sedikit Lapangan Terbang misalnya di Abdul Aziz Shah, sekarang, tapi masih ada kelambatan. Kelambatan mungkin di Lapangan Terbang Abdul Aziz Shah, sekarang ini kerana kemudahan untuk misalnya Boeing 747 megatop. Apabila tibanya Boeing 747 megatop maka dengan bilangan penumpang yang terlalu banyak, kemudahan-kemudahan yang ada tidak dapat menampung dan bagasi pun sampai dengan lewat dan pihak imigresen walau pun kaunter sudah ditambah di Lapangan Terbang Abdul Aziz Shah, tapi masih tidak cepat lagi. Kita berbaris dengan lama untuk menyelesaikan imigresen dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, di Langkawi kita patut mengambil iktibar daripada Lapangan Terbang Abdul Aziz Shah, supaya semua sistem dijalankan lebih lancar. Tuan Pengerusi, memandangkan Lapangan Terbang merupakan satu pelaburan perdagangan yang penting yang boleh disifatkan sebagai pemangkin untuk dunia perdagangan dan pelancongan di negara ini dan juga di negara-negara yang lain. Sebab itu saya hendak mengetahui rancangan lanjutan yang diadakan oleh pihak kementerian untuk Lapangan Terbang seperti Langkawi. Setakat ini kita nampak ada penerbangan domestik dan regional sahaja. Tapi bilakah pihak kementerian akan membolehkan Lapangan Terbang

Langkawi menjadi satu Lapangan Terbang yang boleh menampung pendaratan Boeing 747 atau pesawat-pesawat yang lebih besar lagi. Bilakah, dan juga pihak kementerian akan membolehkan direct international flight untuk Langkawi. Ini satu, kita mesti mempertingkatkan kemudahan di Lapangan Terbang itu supaya kita benar-benar boleh menyaksikan satu kemajuan yang boleh disifatkan sebagai pemangkin perdagangan dan perindustrian pelancongan di negara ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya nampaknya Langkawi adalah termasuk di dalam segi tiga antara Thailand, Indonesia dan Malaysia. Dan justeru itu kita berharap pihak Kementerian Pengangkutan dapat menggunakan peluang ini supaya lapangan-lapangan terbang di segi tiga ini dapat dipertingkatkan mungkin dengan Langkawi sebagai satu lapangan terbang yang terbesar di segi tiga ini.

Kita boleh menggunakan Langkawi untuk mendorong kepada perkembangan segi tiga di antara ketiga-tiga negara ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, segi tiga memang rumit sedikit.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya mengatakan masa cukup. Saya tidak ikut perbahasan. (*Ketawa*)

Dr. Tan Seng Giaw: Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta jawab.

5.12 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung): Tuan Pengerusi, pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada tiga Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Kementerian Pengangkutan. Yang pertama ialah Kota Melaka; yang kedua, Gelang Patah; yang ketiga dari Kepong.

Tuan Pengerusi, memang adalah hasrat kerajaan khususnya Kementerian Pengangkutan supaya mewujudkan satu sistem pengangkutan dalam dan luar negeri yang agak canggih, yang agak baik dan komprehensif supaya rakyat pada keseluruhan dapat dalam segi pengangkutan dalam negara tidak mempunyai masalah dan lebih-lebih lagi dalam bandar raya besar macam Kuala Lumpur, kesesakan dan kemalangan dapat dikurangkan dan pada masa yang sama juga dengan adanya kemudahan-kemudahan seperti pelabuhan dan lapangan terbang antarabangsa, maka ianya juga akan dapat memudahkan pelancong-pelancong datang melawat ke Malaysia dengan lebih ramai lagi.

Di sini, saya secara dengan ringkas ingin menjawab sedikit sebanyak apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Soalan pertama iaitu mengenai SMART Team. Ingin saya memberitahu di sini iaitu SMART Team adalah satu kumpulan yang agak specialised, dengan izin, tetapi team ini bukan di bawah kawalan Kementerian Pengangkutan, sebenarnya ia di bawah kawalan Jawatankuasa Keselamatan Negara.

Tetapi walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, SMART Team bukan satu kumpulan yang mana bila terdapat kecemasan, team kumpulan ini adalah team of first response, dengan izin. Sebenarnya,

SMART Team ini adalah akan dipanggil untuk membantu bila terdapat sesuatu kemalangan ataupun sesuatu masalah yang mana kumpulan-kumpulan seperti Bomba, kumpulan-kumpulan daripada pihak Polis DiRaja Malaysia tidak dapat menjalankan kerja. Ini adalah matlamat kewujudan SMART Team ini.

Tuan Pengerusi, mengenai latihan pegawai kawalan trafik udara ini, ingin saya memberitahu iaitu Ahli Yang Berhormat Kota Melaka bertanya, Ahli Yang Berhormat dari Kepong pun bertanya, ini adalah suatu peruntukan yang diberikan supaya pegawai-pegawai kawalan trafik udara yang sedia ada dan kemungkinan akan bertambah dapat menerima latihan yang mencukupi, latihan-latihan termasuk menggunakan sistem-sistem dan alat-alat yang agak canggih sekali seperti mesin simulator dan lain-lain yang mana ianya dapat diperolehi dengan seharga, dengan jumlah yang begitu besar. Misalnya satu simulator yang ada sekarang adalah dalam harga berjumlah RM4 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kepong sebenarnya latihan yang diberikan bukan oleh MAB. MAB ialah sebuah korporat yang mengendalikan semua lapangan terbang di negara kita. Sebenarnya, latihan-latihan yang akan diberikan adalah di bawah kawalan DCA ataupun Jabatan Penerbangan Awam.

Tuan Pengerusi, mengenai pinjaman 'soft loan' yang diberikan kepada Syarikat Star LRT untuk mewujudkan atau untuk mengadakan projek LRT ini, ingin saya memberitahu iaitu projek LRT ini adalah satu projek yang amat besar, yang akan melibatkan kos yang begitu besar, satu misalannya ialah LRT Sistem II yang mana dikendalikan oleh Syarikat Putra pada kos pembinaan pada keseluruhannya adalah melebihi RM4.3 bilion.

Oleh yang demikian, walaupun terdapat syarikat-syarikat gergasi dalam negara kita yang mampu mengendalikan projek seumpama ini, tetapi dari segi kos, sumbangan kos mereka agak satu masalah yang besar.

Oleh yang demikian, kerajaan telah pun bersetuju supaya pinjaman dalam jenis soft loan (pinjaman mudah) diberikan kepada mereka dan pada kali ini adalah RM1,200 juta diluluskan kepada syarikat yang akan mengendalikan sistem LRT ini.

Tadi Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka kata jangan sahaja dalam dua ayat memberi jaminan bahawa pinjaman yang diberikan kepada syarikat ini akan dibayar balik, maka oleh yang demikian saya bercadang bahawa pada minggu depan saya akan memberikan beliau satu jawapan yang agak lengkap secara bertulis supaya segala soalan-soalan yang dibangkit pada petang ini dapat dijawab dengan memuaskan.

Tuan Pengerusi, mengenai soalan ataupun perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah, ingin saya memberitahu iaitu Pelabuhan Tanjong Pelepas di negeri Johor merupakan salah satu projek pelabuhan yang amat digalakkan oleh kerajaan. Memandangkan ekonomi negara kita begitu baik, oleh yang demikian kerajaan berhasrat supaya Tanjong Pelepas di negeri Johor dijadikan satu pelabuhan alternatif kepada Pelabuhan Kelang dan pelabuhan lain di utara di negara kita.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah, buat masa ini kerajaan sedang mengurus supaya pekebun-pekebun kecil dan juga nelayan-nelayan yang terlibat dalam pengambilan tanah ini dapat suatu pampasan yang agak adil, tetapi buat masa ini, saya di sini, tidak dapat memberitahu iaitu berapa sebenarnya jumlah pampasan mereka

akan diberikan, tetapi saya harap mereka dapat meneruskan perbincangan dengan pihak-pihak yang berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah juga, Fasa 1 Pelabuhan Tanjung Pelepas dijangka siap beroperasi pada tahun 1999 dan kerja awal dijangka bermula pada penghujung tahun ini dan memang selepas mereka menerima pampasan, mereka harus keluar dari tanah berkenaan supaya kerja-kerja awal bagi projek Tanjung Pelepas ini dapat bermula, tetapi walau bagaimanapun, mereka akan diberikan masa yang cukup dan kemungkinan kerajaan Negeri Johor akan menyiapkan supaya tempat alternatif dapat menempatkan mereka yang terlibat.

Mengenai permintaan, iaitu pemberian saham kepada pekebun-pekebun kecil, cadangan ini boleh dipertimbangkan oleh pengendali pelabuhan tetapi saya tidak berani memberi jaminan di sini, walau bagaimanapun hasrat Yang Berhormat yang mewakili kawasan itu akan disampaikan kepada pihak yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, mengenai soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong mengenai Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Langkawi, mengikut apa yang dirancang oleh pihak kerajaan, apabila Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Langkawi siap kelak ianya dapat menampung lebih kurang 1 juta penumpang dan memang Yang Berhormat dari Kepong betul dari segi memberitahu tentang jumlah penumpang yang mengguna—masuk/keluar Lapangan Terbang Pulau Langkawi buat masa ini adalah melebihi 100 juta orang pada hari ini dan kerajaan mempunyai ramalan.....

Dr. Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Ya, Kepong bangun..

Dr. Tan Seng Giaw: Setiap tahun hampir 800,000, bukan 800,000,000?

Tuan Pengerusi: Hampir 800,000 ataupun 800,000,000?

Tuan Chor Chee Heung: Hampir 800,000, bukan 800,000,000—dari segi penumpang-penumpang yang menggunakan Lapangan Terbang Langkawi buat masa ini dan adalah jangkaan kerajaan iaitu tidak lama lagi, dari segi bilangan penumpang lebih kurang melebihi 1 juta penumpang yang akan menggunakan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi.

Dari segi kos keseluruhan, apabila ianya siap kelak, ia adalah dalam lingkungan RM330 juta yang akan diberikan supaya projek Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Langkawi akan siap kelak. Buat masa ini kita tahu iaitu kerajaan sedang berusaha.....

Dr. Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Ya, Kepong bangun pula.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Dengan perbelanjaan sebanyak RM330 juta ini, adakah ini bermakna Langkawi akan menjadi sebuah pusat direct international flying ataupun lapangan terbang boleh menampung Boeing 747 dan Mega Top.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Pengerusi, sebenarnya apabila Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi siap kelak, bukan hanya Mega Top tetapi semua kapal terbang besar akan dapat didaratkan dan mengguna run-way di Langkawi dan memang hasrat kerajaan ialah Mega Top dan Boeing B.747 dapat menggunakan run-way di Langkawi supaya dapat mendarat di Langkawi dan kerajaan sedang dalam proses perbincangan dengan syarikat-syarikat penerbangan asing supaya mempunyai

direct flight ke Langkawi. Buat masa ini kita dapat melihat kebanyakan penumpang yang datang secara direct ialah dari negeri Taiwan dan negeri Jepun dan memang pada suatu hari kelak, apabila ianya siap memang terdapat juga direct flight dari negara-negara jiran supaya lebih banyak penerbangan dapat mengadakan direct flight, dengan izin, ke Langkawi.

Mengenai kemudahan bagasi dan imigresen, memang ini semua ada dalam perancangan kerajaan. Saya ingin memberikan satu misalan (example) yang tepat. Pada 25hb bulan ini, kerajaan akan mengadakan satu exhibition ataupun pameran yang dinamakan Airportech di Langkawi dan di sini terdapat syarikat di seluruh dunia dapat bertumpu di Langkawi dapat mempamerkan segala alat-alat dan mesin-mesin mengenai lapangan terbang mengenai bagasi dan lain-lain kemudahan berkaitan dengan lapangan terbang di Langkawi. Misalan ini jelas terbukti bahawa kerajaan memang ingin mempertingkatkan lagi mutu Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi.

Tuan Pengerusi, memandangkan lokasi Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi adalah juga dalam kawasan segi tiga iaitu Malaysia-Thailand-Indonesia, maka saya percaya harapan supaya Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi dijadikan salah satu lapangan terbang antarabangsa di rantau ini ataupun di dalam Asian benar-benar akan muncul tidak lama lagi.

Tuan Pengerusi, saya percaya ini adalah beberapa perkara yang telah dibangkitkan dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada mereka dan saya memberi jaminan iaitu soalan-soalan yang tidak dapat saya jawab pada petang ini akan saya berikan kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka. Sekian.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM11,880,000 untuk Maksud B.47 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM11,880,000 untuk Maksud B.47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,386,500,010 untuk Maksud P.47 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1996 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,386,500,010 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 2) 1996.

Maksud B.50 (Jadual)—

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.50 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan terbuka untuk dibahas. Tambun.

5.29 ptg.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah (Tambun): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh bagi Maksud B.50 Kementerian Pembangunan Usahawan berkaitan dengan peruntukan sebanyak RM8.5 juta untuk membiayai pelaksanaan aktiviti-aktiviti di bawah program pembangunan usahawan. Ada beberapa isu yang saya ingin sentuh, pertama tentang pelaksanaan Program Pembangunan Usahawan di bawah Majlis Amanah Rakyat.

Kita sedia maklum bahawa Majlis Amanah Rakyat sekarang menghadapi masalah kewangan dan pelaburan yang cukup tenat. Dari segi pelaburan, lebih kurang hampir 50% daripada pelaburannya menghadapi masalah susut nilai. Persoalannya, bagaimanakah sebuah badan seperti MARA yang menghadapi masalah pelaburan boleh meyakinkan kita dapat membangunkan usahawan dalam Program Pembangunan Usahawan.

Saya percaya, jikalau ini tidak diselesaikan, masalah usaha untuk mewujudkan usahawan-usahawan di bawah Program Pembangunan Usahawan akan terus terjejas. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian ke arah untuk menyelesaikan masalah yang begitu penting dan apakah langkah-langkah yang telah diambil dari segi untuk meningkatkan keupayaan dan profesionalisme pengurusan MARA serta anak-anak syarikatnya?

Untuk makluman Tuan Pengerusi, beberapa hari lalu saya ada minta kakitangan Parlimen untuk menghubungi Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk mendapatkan penyata kewangan bertarikh 31hb Disember, 1994. Jawapan daripada pihak MARA adalah bahawa penyata kewangan ini masih dalam 'proof reading' untuk dicetak. Jadi, nampak begitu lambat penyata kewangan yang begitu penting, sepatutnya telah keluar.

Perkara yang kedua yang ingin saya sentuh adalah mengenai dengan ajensi-ajensi yang terlibat dalam program pembangunan usahawan. Di dalam akhbar *Berita Harian* bertarikh 12hb Julai 1996, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan bekerjasama dengan pengeluar bukan bumiputera bagi membangunkan usahawan bumiputera dalam bidang pembekalan kredit, latihan dan pengurusan. Saya juga difahamkan

bahawa Kementerian Belia dan Sukan juga turut terlibat dalam program pembangunan usahawan. Saya berpendapat, tidakkah elok bahawa program pembangunan usahawan ini dijalankan oleh satu agensi sahaja, dari segi pertamanya untuk mengelakkan daripada pertindihan? Kedua, untuk meningkatkan kecekapan pengurusan. Ketiga, untuk pembangunan yang lebih menyeluruh dan dapat melahirkan khidmat pakar khasnya pakar yang lebih baik. Kerana usaha-usaha ke arah untuk membangunkan usahawan memerlukan khidmat pakar yang berpengalaman. Jikalau ini diagihkan dalam ajensi-ajensi yang lain, besar kemungkinan bahawa pengalaman itu tidak dapat ditingkatkan.

Perkara yang ketiga, saya ingin menyentuh tentang Program Pembangunan Vendor. Saya dapati bahawa sistem yang kita jalankan sekarang banyak ke arah untuk menyediakan kuota. Umpamanya dalam satu-satu program vendor. Jikalau ada 70 vendor yang diperlukan, sekurang-kurangnya 30% adalah untuk bumiputera. Dan juga ada sistem di mana pihak Kementerian Pembangunan Usahawan mengeluarkan senarai kilang-kilang yang memerlukan syarikat vendor.

Oleh kerana latarbekalng masyarakat bumiputera yang bukan golongan usahawan, saya berpendapat usaha-usaha begini tidak akan dapat mencapainya kejayaan yang cemerlang. Saya nampak lebih baik ke arah kita membangunkan usahawan di bawah Program Pembangunan Usahawan. Kerana kita sedia maklum bahawa dalam membangunkan usahawan kalau dilaksanakan di bawah Program Khas Pembangunan Usahawan, ia akan melibatkan soal latihan untuk meningkatkan kemahiran teknologi, automasi, komputer, perdagangan, kecekapan, pengurusan. Selepas itu, mengadakan program-program pembangunan.

Sebagai contohnya, saya ambil kes Proton city. Pertama saya ingin bertanya kepada kementerian adakah kementerian terlibat dalam projek Proton city dari segi pembangunan vendor. Jikalau kita gunakan sistem kuota semata-mata, maka kita katakan 30% atau 50% untuk bumiputera dan kita biarkan di situ, kemudian kita edar borang. Daripada pengalaman yang lalu, saya nampak dia tidak akan mencapai kesan yang baik. Tetapi kalau kita katakan projek Proton city akan siap pada tahun 2000, lebih kurang 4 tahun daripada sekarang. Kita mulakan program pembangunan daripada sekarang lagi. Kita pilih individu yang berpotensi untuk menjadi vendor. Kita beri program latihan, umpamanya selama satu tahun, dan kita beri 'exposure' selama setahun, dan selepas itu terlibat untuk membantu mereka membina kilang serta memberi pengalaman kepada pihak berkenaan.

Saya percaya, cara begini akan lebih mencapai kejayaan. Tambahan dalam program-program vendor dia sudah mempunyai 'captive market'. Tidak ada masalah untuk kita mendapatkan pembiayaan daripada pihak bank. Yang perlu adalah untuk kita melahirkan individu bumiputera yang berkemahiran untuk menjalankan projek-projek tersebut.

Mengenai dengan program pembangunan usahawan ini, ada satu perkara yang ingin saya sentuh di sini mengenai dengan pembiayaan ataupun pinjaman kewangan kepada usahawan. Program-program pembiayaan dan pinjaman ini biasanya diberi melalui—kalau di MARA melalui unit-unit tertentu. Saya berpendapat tidakkah lebih baik daripada kita memberi pinjaman melalui agensi kerajaan, kita beri melalui bank. Kerana soal untuk mengendalikan pinjaman kepada peniaga, dia perlukan satu kepakaran yang begitu tinggi. Jikalau kita biarkan kepada unit-unit tertentu di dalam Majlis Amanah Rakyat untuk

memberi pinjaman, saya percaya bahawa pegawai-pegawainya tidak begitu profesional dalam soal ini.

Itu sebabnya apabila saya pergi ke Majlis Amanah Rakyat, saya bertanya kepada pegawai-pegawai berkenaan, bagaimanakah tahap pencapaian Program Pembangunan Usahawan? Mereka tunjuk kepada saya dari segi jumlah pinjaman yang dikeluarkan. Ini jumlahnya meningkatkan daripada tahun lalu. Mereka tidak melihat dari segi pertambahan usahawan yang berjaya dari segi kualiti pinjaman yang dikeluarkan. Di sini menunjukkan pengalaman pegawai-pegawai ini tidak begitu tinggi. Tetapi jikalau kerajaan membuat satu dasar dan pinjaman ini dibiayai melalui bank, dengan kepakaran yang ada pihak bank, bukan sahaja dari segi pemberian pinjaman dengan khidmat nasihat dan sebagainya, saya percaya pinjaman-pinjaman ini akan diurus dengan baik, di samping usahawan akan mendapat khidmat yang baik untuk mereka.

Lagi satu perkara, Tuan Pengerusi, mengenai dengan program vendor yang melibatkan multi-national. Saya mendapat tahu bahawa multi-national begitu tidak berminat untuk mengadakan program vendor. Saya ambil contoh pada tahun 1993, daripada 27 multi-national, yang membeli komponen dan barangan gantian berjumlah RM12.8 bilion. Jumlah yang dibeli daripada syarikat tempatan adalah sebanyak RM1 bilion, iaitu 8% daripada jumlah tersebut. Saya berharap perkara ini dapat diperbetulkan. Pertama kerana potensi. RM12.8 milion adalah satu saiz yang begitu besar. Kalau dapat kita tingkatkan daripada 8% kepada 70%, ini memberi peluang yang besar kepada usahawan-usahawan tempatan. Itu pertama.

Kedua, dari segi penggunaan sumber tempatan akan meningkat serta penggunaan sumber tempatan yang lebih efisien. Ketiga, akan mengakibatkan

kepada perpindahan teknologi. Pertama, dari segi pengurusan, yang mana sepertimana yang saya katakan tadi bahawa usahawan-usahawan bumiputera tidak begitu mahir dari segi pengurusan, tidak mempunyai kepakaran dari segi teknologi. Dengan adanya hubungan dengan multi-national, perpindahan teknologi boleh meningkatkan teknik pengeluaran serta pengetahuan usahawan tempatan kepada peralatan canggih.

Perkara yang seterusnya, saya ingin bertanya kepada....

Tuan Pengerusi: Minta gulung Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Satu sahaja Tuan Pengerusi. Mengenai usaha sama bumiputera dengan bukan bumiputera. Ada sebelas venture melibatkan lebih kurang RM100 juta. Saya nak tahu bagaimana prestasinya dan adakah pihak kementerian mahu untuk memperluaskan konsep usaha sama ini melibatkan syarikat-syarikat yang ada sekarang yang kita tahu beribu-ribu yang kebanyakannya masih lagi 'Ali Baba' dalam bentuk lama. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kota Melaka.

5.40 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Maksud Perbekalan B.50 Kementerian Pembangunan Usahawan di mana tambahan sebanyak RM493 juta adalah dikehendaki untuk membiayai perbelanjaan, khususnya RM400 juta bagi MARA. Di sini saya ingin bertanya mengapakah MARA akan dibenarkan untuk memberikan ijazah sarjana tetapi tidak akan dinaikkan taraf sebagai sebuah universiti. Saya rasa sungguhpun MARA ditubuhkan pada satu masa untuk satu tujuan tertentu tetapi memandangkan ia dianggap oleh pihak kerajaan sebagai cukup bermutu atau berkualiti untuk

memberikan ijazah sarjana muda atau sarjana, saya rasa sudah tiba masanya ia dinaikkan taraf kepada peringkat universiti supaya memberikan peluang yang lebih luas kepada belia-belia dan pemuda-pemudi kita untuk menuntut di universiti-universiti dalam negara kita.

Saya difahamkan dan saya pernah mendengar ucapan daripada pihak Timbalan Menteri Pendidikan ataupun Menteri Pendidikan di mana satu sebab utama mengapa MARA tidak mahu atau tidak dibenarkan dinaikkan taraf kepada peringkat universiti ialah untuk mengelakkan kerajaan daripada menepati janji bahawa kuota pelajar-pelajar bumi dan bukan bumi adalah tertakluk kepada ratio 55 untuk pelajar bumi dan 45 untuk pelajar bukan bumi.

Tuan Yunus bin Rahmat: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun Yang Berhormat, Jelebu bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Minta penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng: Singkat.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak bertanya kepada Ahli dari Kota Melaka, adakah beliau menumpukan perbincangan ini kepada soal MARA atau ITM kerana setahu saya ITM tidak terletak di bawah bidang kuasa MARA? Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya setuju tapi ini adalah satu peringatan kepada pihak kementerian kerana pihak kementerian pun terlibat dalam perkara ini. Dari segi pinjaman-pinjaman yang diberikan termasuk semua institusi pengajian di bawah kawal selia pihak kementerian. Di sini seperti yang saya perkatakan tadi kita harus melihat perkara ini dalam aspek nasional dan saya harap apabila perkara ini dibincang

dalam kabinet, pihak kementerian akan memberikan input sedemikian yang serupa supaya apabila ITM ini diperbincangkan, ia akan dinaikkan pada taraf yang sewajarnya, bukanlah untuk mengelakkan daripada sesuatu.....

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun, nak beri jalan ataupun tidak?

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak ada masa

Tuan Pengerusi: Tidak ada masa.

Tuan Lim Guan Eng: Di sini juga tentang pinjaman yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pembangunan Usahawan, bolehkah saya dapat tahu mengapakah banyak daripada hutang pinjaman yang dikeluarkan ini masih belum dibayar? Apakah kedudukan sekarang terhadap hutang pinjaman yang belum dibayar oleh pelajar-pelajar dan bukannya ini merupakan satu aliran keluar bukan sahaja untuk MARA tetapi juga untuk negara?

Saya ada terima beberapa aduan, saya beri satu contohlah di mana ini ialah memberikan kontraktor-kontraktor Melayu yang telah mendapat pinjaman daripada MARA. Sungguhpun pinjaman diperolehi dari MARA dalam tahun 70-an, MARA tidak berusaha langsung untuk mendapat balik pinjaman yang mereka keluarkan kepada kontraktor-kontraktor bumiputra ini. Memandangkan bahawa 'statute of limitation' telah lalu kerana MARA tidak mengambil tindakan mendapat balik pinjaman ini telah lepas 6 tahun ini bermakna bahawa ia sudah tidak laku.

Ada dua isu di sini. Yang pertama, mengapakah tindakan tidak diambil untuk mendapat balik pinjaman ini? Yang kedua, kalau sekarang kita terlalu di bawah undang-undang, MARA pada masa lepasnya sudah silap kerana tidak menuntut pinjaman yang dikeluarkan

mengapa pula mereka tidak melepaskan cagaran atau gadaian ke atas hartanah-hartanah yang mereka ambil untuk memberikan pinjaman kepada kontraktor-kontraktor Melayu tersebut?

Jadi, saya berharap pihak Menteri boleh menjawab dua perkara ini. Pertama, kenapa tindakan tidak diambil untuk mendapat balik hutang pinjaman? Adakah ini bermakna bahawa hutang pinjaman ini diberikan secara percuma dan MARA macam seorang 'Santa Clause', bagi secara percuma sahaja. Yang kedua, kalau ini sudah berlaku, saya rasa dari segi undang-undang MARA sudah tidak ada kuasa lagi untuk mendapat balik hutang pinjaman. Sudah tiba masanya hartanah ini mesti dilepaskan kepada kontraktor Melayu dan saya rasa perkara ini harus diuruskan dalam dua peringkat ini. Yang pertama, terhadap kontraktor Melayu. Yang kedua, terhadap siapa yang bertanggungjawab ke atas dasar ini, yang mengakibatkan negara dan MARA rugi?

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada RM75 juta yang dicarumkan ke dalam 'endowment fund Malaysia - French Institute' dan juga RM9,566,000 untuk perbelanjaan mengurus Malaysia - French Institute. Di sini saya ingin tahu apakah tujuan penubuhan Malaysian French Institute ini? Seperti yang saya pernah timbulkan pada sesi yang lepas tetapi masih belum dapat jawapan, apakah sebabnya kerajaan memberikan caruman sedemikian sedangkan negara Perancis telah memberikan satu sumbangan juga untuk tujuan menjalinkan perhubungan atau persahabatan yang lebih erat di antara negara Malaysia dan Perancis. Dalam usaha untuk menubuhkan satu institut teknikal dibawah kawal seliaan Malaysia-French Institute (MFI), adakah pihak kementerian sedar sungguhpun satu pinjaman mudah telah diberikan oleh negara Perancis yang mesti dibayar oleh negara Malaysia untuk tujuan-tujuan latihan dan pendidikan, tetapi semua

barangan yang ditempah dan dibeli mestilah dibeli daripada negara Perancis, bukan daripada negara tempatan. Kalau semua alat-alat atau kelengkapan ini merupakan perkara-perkara atau alat-alat teknikal yang hanya boleh di perolehi dari negara Perancis saya rasa kita tidak ada pilihan tapi kalau barangan-barangan ini seperti almari, meja, kerusi, saya rasa ia boleh diperolehi dari negara kita. Mengapa pula kita terpaksa mendapat semua benda-benda ini daripada Perancis, adakah di negara kita tidak ada kelengkapan seperti ini? Bukankah ini akan menyumbang kepada defisit semasa? Kalau kita mendapat barang yang kita boleh dapat di negara kita tetapi ambil pula daripada negara lain, macam mana kita boleh menggalakkan rakyat Malaysia membeli barangan tempatan bila kita sendiri tidak mengikuti saranan atau slogan kita?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa dah cukup.

Tuan Lim Guan Eng: Saya harap pihak kementerian akan menunjukkan kepimpinan melalui teladan dalam perkara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sepang.

5.50 ptg.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang): Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Maksud B.50—Kementerian Pembangunan Usahawan, Bahagian IV—Peruntukan sebanyak RM8.56 juta untuk membiayai pelaksanaan aktiviti-aktiviti di bawah program pembangunan usahawan.

Saya ingin memperkatakan mengenai program pembangunan usahawan khususnya pengumuman Yang Berhormat Dato' Mustapa Mohamed, baru-baru ini dalam *Utusan Malaysia* keluaran 16hb Julai 1996 mengenai cadangan

menubuhkan satu Majlis Usahawan Wanita yang menggabungkan kesatuan usahawan wanita di negara ini bertujuan meningkatkan lagi penglibatan wanita dalam bidang keusahawanan.

Tuan Pengerusi, memandangkan usaha ini masih di peringkat kajian, saya ingin mencadangkan di sini supaya majlis ini terbuka juga untuk semua usahawan wanita yang tidak ada kesatuan usahawan terutamanya usahawan wanita di luar bandar. Saya timbulkan perkara ini kerana majlis yang akan ditubuhkan nanti akan dianggotai oleh semua kesatuan usahawan wanita yang telah dikenal pasti dan akan bergabung, bekerjasama memajukan bidang perniagaan yang telah diceburi. Apa yang saya nampak majlis ini hanya akan memberi perkhidmatan terhad kepada kesatuan usahawan wanita yang telah dikenal pasti oleh kementerian. Bagaimana pula usahawan-usahawan wanita yang tidak ada kesatuan usahawan wanita misalnya? Perkumpulan wanita di kampung-kampung di bawah JKKK kampung, WI dan lain-lain yang juga terlibat dalam usaha perniagaan secara kecil-kecilan dan sederhana seperti memproses bahan makanan dan lain-lain seperti yang wujud di kawasan Sepang misalnya. Usaha-usaha seperti ini perlu untuk dikomersilkan dan dieksploitasikan dengan lebih meluas. Buat masa ini usahawan-usahawan wanita luar bandar banyak menjalankan proses pengeluaran makanan. Perniagaan mereka secara manual, dengan izin, dan dibuat di rumah sendiri atau secara berkelompok. Saya percaya usaha-usaha sebegini perlu berkembang mengikut masa terutamanya apabila struktur ekonomi berubah kepada perindustrian.

Oleh itu, usahawan-usahawan wanita ini perlu bimbingan dan ruang untuk tingkatkan perniagaan mereka melalui perkembangan dari segi teknologi iaitu pengeluaran hasil perniagaan menggunakan alat-alat mesin yang lebih canggih, yang boleh dan mampu dibeli

oleh usahawan wanita ini. Untuk mencapai tujuan ini, peranan majlis seperti yang dicadangkan oleh kementerian ini amat sesuai sekali. Saya percaya majlis yang dicadangkan ini boleh menjadi pusat sumber atau network, dengan izin, kepada usahawan-usahawan wanita kategori pengeluaran bahan-bahan makanan.

Tuan Pengerusi, wanita merupakan kira-kira 50% daripada jumlah penduduk negara kita dan menyumbang satu pertiga daripada jumlah tenaga buruh. Kadar peningkatan penyertaan tenaga wanita dalam jangka masa dua dekad kebelakangan ini meningkat dari 37% kepada 46.7%. Begitu juga jumlah wanita yang melibatkan diri dalam keusahawanan terus meningkat.

Selaras dengan peningkatan ini, kaum wanita terdedah dengan pelbagai cabaran dan masalah yang kian hari kian meruncing. Masalah peribadi seperti masalah keluarga, perkahwinan, emosi, psikologikal, kesihatan, kerjaya, kewangan dan lain-lain lagi boleh membuat mereka menjadi tidak efisien dan produktif yang boleh mengganggu ketenteraman keluarga. Oleh kerana masalah-masalah ini, kita dapati ramai daripada wanita yang turut serta menyertai bidang perniagaan demi untuk membantu dan memperkukuhkan ekonomi keluarga. Perkara ini berlaku di mana-mana, di bandar mahupun di luar bandar.

Adalah agak keterlaluan sekiranya saya mencadangkan untuk menubuhkan satu bank wanita tetapi sekurang-kurangnya dengan penubuhan majlis ini ia merupakan satu pengiktirafan kepada usahawan-usahawan wanita yang turut serta membangunkan ekonomi negara.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan juga agar Majlis Usahawan Wanita yang bakal ditubuhkan nanti, mampu menuntut sedikit kelonggaran pinjaman daripada MARA

ataupun daripada mana-mana institusi kewangan yang lain terhadap peminjam-peminjam wanita yang datang dengan projek-projek yang berwibawa dan berdaya saing tetapi tidak mempunyai apa jua jenis cagaran kerana Tuan Pengerusi, rata-rata modal pusingan menjadi punca utama untuk mengembangkan perniagaan kaum wanita terutama sekali di luar bandar.

Oleh yang demikian, saya berharap kepada Kementerian Pembangunan Usahawan supaya skop keahlian dan kumpulan sasar usahawan wanita mestilah tidak terhad kepada kesatuan-kesatuan usahawan wanita yang dimaksudkan tetapi perlu diluaskan kepada perkumpulan usahawan-usahawan wanita luar bandar yang berniaga secara kecil-kecilan tetapi mempunyai potensi besar untuk mengembangkan perniagaan sekiranya ada laluan dan ruang yang betul.

Tuan Pengerusi, saya sendiri sedia menawarkan diri untuk menjadi suatu penghubung ataupun jabatan untuk menyampaikan maklumat atau menemukan kedua-dua belah pihak iaitu usahawan wanita luar bandar yang boleh dikenal pasti dengan pihak majlis kerana saya mempunyai laluan mudah untuk menghubungi usahawan-usahawan wanita luar bandar terutama sekali dari kawasan Sepang dan Subang khususnya.

Oleh itu, saya minta Kementerian Pembangunan Usahawan mempertimbangkan permohonan yang saya cadangkan dan penyertaan usahawan wanita dalam majlis ini termasuk juga usahawan wanita luar bandar yang tidak ada kesatuan. Dalam kata lain, fungsi majlis ini mestilah diperluaskan dan dibuka kepada kategori usahawan wanita yang lain dari kesatuan yang telah dikenal pasti. Saya harap pihak kementerian boleh memberi pertimbangan yang sewajarnya demi untuk memberi keadilan kepada kaum wanita yang turut membangunkan negara.

Sekian, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Jelebu.

5.56 ptg.

Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu):

Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin bersama rakan-rakan lain untuk menyatakan sokongan saya kepada Anggaran Perbelanjaan Tambahan bagi Maksud B.50—Kementerian Pembangunan Usahawan.

Tuan Pengerusi, pertamanya kita mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Pembangunan Usahawan yang telah merangka satu bentuk peruntukan yang begitu baik untuk dirancangan bagi melaksanakan projek-projek di masa akan datang.

Bagi Majlis Amanah Rakyat kita juga menyatakan rasa syukur dan terima kasih kepada kerajaan di atas kesediaan menampung sebanyak RM424 juta bagi keperluan pihak MARA. Apa yang harus dinyatakan hanyalah bagi pihak rakan-rakan dan rakyat di kawasan luar bandar mengharap supaya MARA akan dapat meneruskan perjuangan demi untuk mempertahankan bangsa, agama dan negara dan seterusnya akan melahirkan bangsa Melayu kita yang berdedikasi dan berpendidikan.

Untuk itu saya suka menyarankan supaya pihak MARA terutamanya Bahagian Pinjaman Pelajar MARA ini akan dapat memberikan tumpuan kepada pembelaan bagi penuntut-penuntut terutamanya yang lepasan ijazah akan dapat diberikan peluang untuk melanjutkan pelajaran baik di dalam ataupun di luar negara. Di samping itu, Tuan Pengerusi, saya bagi pihak rakyat daripada Parlimen Jelebu merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak MARA kerana dengan langkah yang baik dan bijaksana telah dapat menambah lagi peruntukan lebih daripada RM10 juta

untuk membesarkan operasi MRSM yang ada di Jelebu. Saya berharap dengan terbinanya bangunan ini sebagai pusat institut pendidikan kepada anak bangsa kita, ianya akan dapat membantu ke arah proses pembangunan dan prasarana pendidikan di kawasan luar bandar seperti di kawasan Parlimen Jelebu. Apa yang saya sarankan dan harapkan supaya MRSM yang ada di Jelebu ini yang telah beroperasi lebih daripada lima tahun akan dapat dirasmikan dengan secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, di samping itu juga saya ingin menyentuh tentang Kementerian Pembangunan Usahawan, Bahagian Pembangunan Usahawan sendiri iaitu khasnya dalam proses bagi menampung proses pengkomputeran di kementerian termasuk LPKP. Saya mengucapkan tahniah dan syabas di atas langkah kementerian ini yang telah begitu positif mengambil langkah yang lebih selamat untuk mewujudkan satu pentadbiran yang begitu cekap di dalam jabatan ini dan apa yang kita harapkan agar dengan adanya sistem pengkomputeran (online system) ini akan dapat mempertingkatkan lagi prestasi dan juga pencapaian pentadbiran dan pengurusan di bahagian LPKP.

Apa yang harus saya tekankan Tuan Pengerusi, ialah masalah pentadbiran dan juga pemerosesan permit-permit dan permohonan permit itu haruslah dipertingkatkan dan dipercepatkan lagi. Apa yang menjadi rungutan sekarang ini Tuan Pengerusi, ialah masalah menunggu begitu lama, lebih daripada satu bulan untuk mendapatkan keputusan dan kadang-kadang tidak dapat kita nafikan masa rayuan bagi sesuatu permohonan itu yang telah ditolak telah berlalu begitu sahaja, manakala surat yang menyatakan permohonan itu ditolak telah berlalu lebih kurang sebulan. Malah tempoh untuk rayuan hanya terbatas kepada 14 hari daripada tarikh surat yang diterima oleh seseorang pemohon.

Saya berharap dengan adanya sistem komputer ini masalah penipuan dan juga penyelewengan yang ada berlaku sebelum ini akan dapat diatasi. Masalah permit tipu atau permit palsu dan juga permohonan daripada syarikat yang palsu akan dapat kita atasi. Di samping itu saya berharap LPKP akan dapat menyusun satu strategi yang baik ke arah menapis dan juga memerhatikan syarikat-syarikat yang selalu dan terlalu banyak mendapat permit di mana syarikat-syarikat ini sebenarnya tidak beroperasi, hanya permit-permit yang diperolehi dan didapati itu disewakan kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, di samping itu suka saya menyarankan agar permit 'C' ataupun barang sendiri sahaja tidak boleh disewakan akan dapat diperluaskan lagi kawasan operasinya. Sebagaimana yang kita maklum setakat hari ini permit 'C' hanya dikategorikan untuk beroperasi di dalam kawasan 5 buah negeri yang berkaitan, yang berhampiran. Apa yang saya ingin menyarankan ialah kalau boleh kawasan operasi untuk permit 'C' ini akan dapat diperluaskan lagi lebih dari 5 negeri kerana, Tuan Pengerusi, terdapat pengusaha-pengusaha atau pihak-pihak yang berkenaan menghadapi masalah untuk sesuatu barang dihantar lebih daripada 5 negeri. Untuk itu, saya berharap supaya sekiranya terdapat permohonan maka kementerian tidak akan menolak sewenang-wenangnya ataupun akan dapat mempertimbangkan dengan sebaik-baiknya apabila permohonan dikemukakan.

Tuan Pengerusi, selain dari itu saya berharaplah sebagaimana yang pernah saya nyatakan dahulu, masalah permohonan tukar syarat, ubah syarat, ubah berat badan, tukar nama dan sebagainya akan dapat dipercepatkan. Saya berharap borang-borang yang berkenaan akan dapat diedarkan dan juga diseliakan oleh pihak Jabatan

Pengangkutan Jalan cawangan-cawangan atau negeri mengikut zon di mana pejabat LPKP berada.

Tuan Pengerusi, dengan itu saya menyatakan sokongan dan saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kepong.

6.06 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian di dalam perbincangan untuk Maksud B. 50 dengan hati yang sedih juga kerana daripada 4 perkara yang disebutkan tadi, sebanyak RM400 juta adalah untuk membiayai Program Penajaan Pelajar Pinjaman/Biasiswa dalam dan luar negara bagi MARA.

Terlebih dahulu sukalah saya membangkitkan masalah sistem pengkomputeran Kementerian Pembangunan Usahawan meliputi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dan Pusat Khidmat Kontraktor.

Tuan Pengerusi, dengan adanya sistem yang canggih saya berharap masalah-masalah yang timbul di dalam usaha pihak kementeriannya untuk memproses permohonan-permohonan bagi jenis-jenis kenderaan yang dikelolakan oleh pihak kementeriannya dapat dipercepatkan dan juga hanya orang-orang yang layak dan benar-benar memerlukan kenderaan-kenderaan tersebut dapat diluluskan sebab sebelum ini saya pernah menerima aduan mengenai ketidakadilan, kelewatan dan sebagainya. Saya berharap dengan adanya sistem yang moden ini semua masalah yang timbul ini dapat diselesaikan dengan cepat.

Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat menerangkan mengenai 'Endowment Fund' untuk Malaysia-France Institute dan hampir RM10 juta

untuk perbelanjaan mengurus Malaysia-France Institute ini, kerana di dalam Dewan yang mulia ini, kita jaranglah diberitahu apakah sebenarnya Malaysia-France Institute ini dan apakah sumbangan kepada Kementerian Pembangunan Usahawan daripada institut tersebut. Sebab itulah saya bangkitkan hal ini.

Tuan Pengerusi, yang paling sedih bagi kita ialah masalah kecurangan di dalam MARA. Setakat ini saya tidak tahu apa sebenarnya berlaku, walaupun tiap-tiap tahun diminta diluluskan di sini wang beratus juta ringgit untuk MARA terutamanya untuk program penajaan pelajar pinjaman biasiswa dan sebagainya.

Sekarang saya diberitahu bahawa MARA mempunyai 23,728 orang pelajar yang ditaja terutamanya hampir 17,000 pelajar di seberang laut. Ini merupakan bilangan yang besar yang ditaja oleh pihak MARA dan dengan tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan memang tidak boleh dielakkan untuk membekukan beberapa aktiviti dan sebagainya—memang menjejaskan para pelajar juga terutamanya yang dapat pinjaman daripada MARA pada akhir tahun lepas. Saya nampak ada peruntukan khas daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan kalau tidak silap saya lebih RM3 juta khasnya untuk para pelajar yang dijanjikan oleh MARA untuk mendapat pinjamannya. Cuma Yang Berhormat pernah mengatakan ia akan menangani masalah kecurangan MARA, ini, dengan izin, 'with a firm hand and assure it's problem will solve one and for all', dengan sekali gus hendak menyelesaikan masalah MARA yang serius.

Yang pertama, bolehkah Yang Berhormat menerangkan apakah yang terkandung di dalam kedua-dua laporan mengenai pengurusan dan juga audit. Ada dua jenis laporan yang tidak pernah diumumkan lagi dan, Tuan Pengerusi,

dengan kecurangan-kecurangan di dalam pertubuhan itu, adakah benar anggaran RM1 bilion 'unspend allocation'—RM1 bilion? Saya nampak Yang Berhormat dari Tambun pun tidak sebutkan masalah seperti ini.

Tuan Pengerusi, saya masih ingat kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, dengan izin, 'If we fail to abide by the regulations, it can be considered mismanagement, but in MARA's case some of the action involve education and training. So, we need to act more positively, it does not mean we approve their action, but we do not want them to repeat it'. Ini bermakna kerana latihan dan pendidikan, tindakan yang diambil itu adalah tidak begitu dahsyat, tindakan yang tidak begitu firm, tindakan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri, 'a firm hand'. Jadi, 'the hand which not so firm after all' kerana latihan dan pendidikan.

Setiap tahun MARA menaja pelajar-pelajarnya dengan jumlah perbelanjaan sehingga RM300 juta—sangat banyaklah. Di sini saya hendak menekankan bahawa dengan wang yang dibelanjakan begitu banyak, saya hendak menyaksikan tidak lama lagi pengurusan MARA ini dapat dipertingkatkan sebagaimana yang dijanjikan dan juga standard ataupun kaliber pelajar-pelajar ini kita mesti pilih dengan baik, pilih yang mempunyai kelayakan dan kaliber yang benar-benar hendak pergi belajar—itu penting. Sebab saya nampak Jelebu pun tidak sempat untuk membangkitkan hal seperti ini. Saya pun tidak tahu apa masalahnya?

Tuan Yunus bin Rahmat: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, Jelebu bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Pengerusi, saya sebenarnya tak hendak komen sangat Kepong ini, sebab dia merapu, Tuan Pengerusi. Saya bercakap

soal facts and fakta. Saya bercakap terus sebab Yang Berhormat Dato' Menteri pun ada di sini. Jadi, tak guna kita merapu, masa pun sudah pukul berapa? Ahli Yang Berhormat tak hendak balikkah? Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, sebab Jelebu, saya tak tahulah sama ada dia bersetuju dengan 35 Proton Wira yang dibeli untuk MARA Junior College (MRSM) itu. Ha, 35 Proton Wira yang hampir RM1.9 juta.

Seorang Ahli: Cukuplah!

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana cukup pula? Adakah Jelebu ataupun Tambun bersetuju dengan hal seperti ini? Kita beli 35 buah kereta Proton Wira untuk digunakan bagi Junior College (MRSM) itu. Ini masalah timbul, saya diberitahu bahawa pihak Kabinet pun mengarah MARA untuk menjualkan semua kereta ini, itu pun baik juga.

Apakah yang terjadi dengan 32 Proton, Yang Berhormat Menteri? Sama ada dijual ataupun disimpan dan sebagainya.

Satu perkara lagi mengapa tiap-tiap kali MARA keluaran membelanjakan wang ini membuat janji kepada pelajar-pelajar dengan wang sejumlah yang besar tetapi tidak minta kebenaran daripada pihak kementerian ataupun daripada agensi-agensinya yang tertentu, mengapa amalan seumpama ini boleh dibenarkan buat beberapa tahun? Ini masalah yang berulang-kali timbul.

Tuan Pengerusi, salah satu masalahnya saya hendak timbulkan di sini untuk Yang Berhormat Menteri di dalam ITM, di dalam masalah pendidikan di MARA ini, adakah kaedah yang baru untuk mengendalikan semua dengan maksud bukan sahaja kita hendak jimatkan wang, hendak menentukan pengurusan yang baik, hendak menentukan mutu ataupun kaliber ataupun kualiti pendidikan.

Tuan Pengerusi, saya beri satu contoh sebelum saya mengakhiri ucapan saya kerana banyak perkara yang berlaku di MARA, misalnya Yang Berhormat Menteri, di Survey Department di ITM misalnya, saya nampak ada banyak alat-alat yang canggih, yang dibeli. Alat-alat canggih untuk survey. Survey yang merupakan salah satu kursus yang dianjurkan oleh MARA.

Yang pertama, siapakah yang membuat kajian dan membuat penilaian untuk membeli alat-alat yang canggih ini? Dan siapakah yang menentukan alat yang dibeli dengan harga yang mahal itu dan diletakkan di situ sahaja, di 'stor' sahaja, tak ada orang yang boleh menggunakan mesin atau alat itu. Ini satu contohnya. Bolehkah Yang Berhormat Menteri kita pergi ke jabatan-jabatan ini untuk menentukan alat-alat, mesin-mesin, komputer-komputer dan jentera yang canggih ini, yang dibeli oleh MARA, apakah yang diobsletenyanya yang dibeli?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Ini penting, satu minit sahaja lagi, Tuan Pengerusi, kerana saya hendak membuat cadangan yang bernas di sini.

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*)

Dr. Tan Seng Giaw: Sebab Yang Berhormat Menteri tidak pernah menyebutkan masalah seumpama ini, walaupun nampak kecil tetapi kalau kita lihat semua jabatan itu, kita nampak pemborosan, pembaziran wang dengan begitu banyak.

Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat buat siasatan dan bukan sahaja untuk menentukan semua jentera yang dibeli itu patut dibeli, yang boleh digunakan dengan baik dan juga yang akhir sekali kita mesti memastikan mutu pendidikannya kerana di dalam Akta

Pendidikan 1995, kita menekankan bahawa kita hendak mencapai satu kualiti pendidikan berkelas dunia (world class education). Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri menjawab. Yang Berhormat mengambil masa berapa lama?

6.15 ptg.

Menteri Pembangunan Usahawan (Dato' Mustapa bin Mohamed): Tuan Pengerusi, boleh saya habiskan dalam masa 15 minit, dengan izin.

Tuan Pengerusi: 15 minit? Kena beri 10 minit dengan kerana kita hendak meluluskan, kalau bolehlah.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Maknanya 10 minit, insya-Allah.

Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada lima Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan dan memandangkan kesuntukan masa, saya akan menjawab ringkas selama 10 minit.

Ahli Yang Berhormat dari Tambun, Kota Melaka, Sepang, Jelevu dan Kepong, terima kasih saya ucapkan di atas segala pandangan dan teguran yang diberikan kepada kementerian. Ada tujuh perkara yang dibangkitkan:

- (i) berkaitan dengan MARA;
- (ii) berkaitan dengan pertindihan fungsi antara Kementerian Pembangunan Usahawan dengan kementerian-kementerian lain;
- (iii) mengenai vendor;
- (iv) mengenai Malaysia - French Institute;
- (v) mengenai usahawan wanita;
- (vi) Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan; dan
- (vii) berkaitan dengan computerisation di kementerian khususnya LPKP.

Mengenai MARA, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Tambun, Kota Melaka, Jelevu dan juga Kepong yang membangkitkan banyak perkara berkaitan dengan MARA, walaupun Kepong dengan Kota Melaka terkeluar tajuk bercakap tentang ITM yang sebenarnya di bawah Kementerian Pendidikan. Ingin saya jelaskan beberapa isu yang dibangkitkan oleh Kepong.

Yang pertama, berkaitan dengan hasil Jawatankuasa Audit, memanglah kita tidak umumkan tetapi secara kasar telah kita maklumkan beberapa findings, dengan izin, penemuan yang dibuat oleh jawatankuasa ini.

Antara lainnya, kita dapati bahawa ada beberapa kelemahan terdapat dalam pengurusan organisasi ini, kelemahan juga dalam pengurusan kewangan, ada beberapa perbelanjaan yang dibuat tanpa kelulusan daripada pihak-pihak yang berwajib. Ini di antara kelemahan-kelemahan yang didapati apabila Jawatankuasa Audit membuat kajian dan saya memberi jaminan di sini bahawa tindakan akan diambil untuk memperbetulkan keadaan, dengan izin, firm hand ini, insya-Allah, akan kita laksanakan untuk memastikan MARA berada di atas landasan yang kukuh. Itu berkaitan dengan keraguan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

Selain dari itu, Ahli Yang Berhormat dari Tambun mempertikaikan kemampuan MARA untuk melaksanakan program-program keusahawanan dengan tahap profesionalismenya memandangkan rekod ataupun prestasi MARA menguruskan syarikat-syarikat yang kurang membanggakan.

Saya ucap terima kasih kepada Ahli dari Tambun atas pandangan ini dan dalam perubahan-perubahan yang kita sedang lakukan di MARA, kita akan dapat menangani isu yang dibangkitkan tadi.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli dari Jelebu kerana memberi penghargaan kepada pihak MARA atas peruntukan tambahan untuk membesarkan MRSM Jelebu, insya-Allah, perasmian ini kita akan timbang dan kita akan berunding dengan Ahli Parlimen Jelebu sebelum kita ambil tindakan selanjutnya.

Itu antara perkara-perkara utama yang dibangkitkan mengenai MARA. Oleh kerana saya tidak ada masa lebih, saya hendak tambat sedikit lagi iaitu mengenai hutang-hutang ini tetap dibayar, seperti yang dibangkitkan oleh Kota Melaka. Kita sudahpun mengambil tindakan terhadap ramai mereka yang berhutang dengan MARA dan ini telah memberikan kesan yang baik. Kutipan pada masa ini ialah kira-kira RM60 juta setahun daripada pinjaman perniagaan dan dari segi pengeluarannya, apa yang diberikan sebagai pinjaman adalah hampir sama dengan kutipan.

Jadi, sudah terdapat beberapa perubahan besar dalam rekod untuk mengutip balik hutang, tetapi dalam pada itu kita masih lagi belum berpuashati dan kalau Kota Melaka ada maklumat terperinci mengenai beberapa individu kontraktor yang disebutkan tadi, silalah kemukakan kepada kementerian untuk kita ambil tindakan sewajarnya.

Jadi, banyak lagi perkara yang Kepong bangkitkan, saya tidak dapat jawab kesemuanya oleh kerana masa tidak cukup, antaranya berkaitan dengan unspent allocation - Proton Wira ini kita sudah jual—35 buah semuanya, 30 buah sudah kita jual dan 5 kita gunakan untuk Malaysia-French Institute. Ada sedikit keuntungan—RM30,000 daripada penjualan tersebut oleh kerana harga kereta Proton ini mahal sedikit. Jadi, itu secara umum mengenai isu-isu yang dibangkitkan oleh Jelebu, Tambun, Kota Melaka dan Kepong mengenai MARA.

Isu kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ialah mengenai pertindihan (duplication) fungsi yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tambun. Kementerian sedar mengenai perkara ini dan kita ucapkan terima kasih atas pandangan agar kesemua program-program keusahawanan dilaksanakan oleh satu kementerian. Untuk ini kita ingin menyatakan bahawa oleh kerana kementerian ini baru, maka agak sukar sedikit untuk memastikan pertindihan ini tidak berlaku oleh kerana sebelum ini program keusahawanan dilaksanakan oleh beberapa kementerian seperti Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan beberapa kementerian yang lain.

Dalam pada itu, saya sendiri sedang mempengerusikan sebuah Majlis iaitu Majlis Pembangunan Usahawan—3 kali setahun kita bermesyuarat di mana kita dengar laporan daripada kementerian-kementerian yang lain untuk mengelak pertindihan dan pembaziran. Mesyuarat terakhir kita adakan kira-kira 2 minggu yang lalu di mana beberapa orang Timbalan Menteri yang ada di dalam Dewan ini menghadiri mesyuarat tersebut. Dalam pada itu saya ingin menekankan bahawa kerajaan sudah membuat keputusan untuk mengkaji beberapa fungsi yang bertindih termasuklah pertindihan antara Kementerian Pembangunan Usahawan dengan beberapa kementerian yang lain, umpamanya MITI dalam aspek vendor yang ada sedikit sebanyak pertindihan, antara Kementerian Pembangunan Usahawan dengan Treasury juga ada sedikit sebanyak pertindihan, dengan Kementerian Belia dan Sukan, maka dengan ini kerajaan akan membuat kajian. Tetapi untuk mengelakkan pertindihan 100% adalah sukar. Kita tunggulah hasil kajian kerajaan dan apabila siap nanti, insya-Allah, kita berharap akan terdapat perubahan ke arah kebaikan.

Perkara ketiga yang dibangkitkan ialah mengenai vendor—mengenai Proton City dan mengenai kuota yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tambun, kementerian terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam program pembangunan vendor termasuklah Proton City. Program ini sedang kita perbaiki dan insya-Allah, cadangan Yang Berhormat Tambun supaya kita mulakan program lebih awal lagi, kita adakan persiapan awal sebelum kita laksanakan sesuatu projek, ini adalah dalam perhatian kerajaan—pendekatan cluster, dengan izin, yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri semasa menjawab soalan tadi adalah antara pendekatan yang akan digunakan untuk memastikan bahawa perancangan terlebih awal dibuat sebelum kita melaksanakan program vendor.

Tuan Pengerusi, seterusnya mengenai Malaysia-French Institute yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Melaka dan juga Keping. Saya ingin memaklumkan bahawa pinjaman mudah yang diperolehi daripada pihak Perancis ini yang berjumlah kira-kira 115 French Franc yang nilainya kira-kira RM54 juta dan institut ini menjalankan beberapa kursus termasuklah maintenance of automated mechanical system, electrical, electronic, installation, boiler making, steel structure, air-conditioning—6 buah kursus semua sekali. Pada masa ini ada 89 orang penuntut dan intake yang kedua yang akan dibuat pada bila-bila masa sekarang—252 orang penuntut, kapasitinya 780 orang. Ini adalah di peringkat diploma dan kita dapati bahawa memandangkan kesukaran mendapat buruh dalam negara kita, maka pusat ini adalah amat berguna sekali.

Mengenai pembelian barang-barang, kira-kira 60% daripada pinjaman itu akan digunakan untuk membeli mesin, memang daripada Perancis, tetapi untuk makluman Kota Melaka, kerusi/meja kita tidak beli daripada Perancis tetapi kita beli di

Malaysia. Itu berkaitan dengan Malaysia-French Institute. Yang Berhormat daripada.....

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Dewan pada hari ini tidak akan ditangguhkan.....

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap Yang Berhormat. Jika hendak mengemukakan Usul, saya kena balikkan persidangan bersidang semula.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Saya boleh tamatkan.

Tuan Pengerusi: Ya, boleh tamat? Sila tamatkan.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Pengerusi, mengenai usahawan wanita, saya ucapkan terima kasih kepada Sepang dan beliau telah mengemukakan permohonan dan, insya-Allah, permohonannya diterima dan saya akan berbincang dengan Sepang mengenai usahawan wanita.

Mengenai LPKP—Lembaga Pelesenan, terima kasih kepada Jelevu. Mengenai lambat proses, kita akur dan kita tahu—rayuan lambat, proses lambat, hendak memperluaskan operasi LOC—memang diperimbangkan, borang-borang di JPJ kita sudah pun bersetuju. Ini hasil cadangan Yang Berhormat juga 1 bulan yang lalu dan kita sedang melaksanakannya dan, insya-Allah, kita sedang membuat pembaharuan untuk mempercepatkan proses.

Kita juga pergi ke bawah bagi memastikan yang memohon itu benar-benar memerlukannya dan kita akan adakan interview yang bermula pada 1hb Julai baru-baru ini. Pendekatan kita telah berubah di mana kita mengadakan interview sebelum kita menimbangkan permohonan untuk permit-permit.

Berkaitan corporatisation, ini kita berharap melalui peruntukan yang dipohonkan ini akan memperbaiki lagi sistem kita di kementerian dan dengan itu akan mempercepatkan lagi pemprosesan permohonan-permohonan khususnya LPKP.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Tambun, Kota Melaka, Sepang, Jelevu dan Kepong. Sekian.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM493,133,000 untuk Maksud B.50 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM493,133,000 untuk Maksud B.50 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia satu bilion lima ratus enam belas juta,

empat ratus lapan belas ribu, lima ratus enam (RM1,516,418,506) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1996, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia satu bilion lima ratus enam belas juta, empat ratus lapan belas ribu, lima ratus enam (RM1,516,418,506) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1996 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 10 Tahun 1996 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

Bacaan Kali Yang Ketiga

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1996) 1996 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia satu bilion lima ratus enam belas juta, empat ratus lapan belas ribu, lima ratus enam (RM1,516,418,506) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1996, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia satu bilion lima ratus enam belas juta, empat ratus lapan belas ribu, lima ratus enam (RM1,516,418,506) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1996 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 10 Tahun 1996 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut.

hendaklah disetujui.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa

Usul sepertimana yang dibacakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia satu bilion lima ratus enam belas juta, empat ratus lapan belas ribu, lima ratus enam (RM1,516,418,506) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1996, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia satu bilion lima ratus enam belas juta, empat ratus lapan belas ribu, lima ratus enam (RM1,516,418,506) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1996 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 10 Tahun 1996 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.30 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Azmi bin Khalid): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

KEGAGALAN PIHAK KEMENTERIAN DAN BIRO PERPADUAN AWAM MENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

6.31 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada kegagalan pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Biro Pengaduan Awam di bawah kawal seliaannya, melayan aduan orang ramai atau orang awam untuk menguatkuasakan undang-undang dalam dua kes seperti berikut.

Yang pertama, penempatan setor gas LPG di sebelah rumah kediaman

berhampiran di Batu 2 1/2, Klebang Kecil, Melaka yang mengancam keselamatan awam dan kesihatan orang ramai selain daripada pencemaran bunyi.

Kedua, projek sebanyak RM1.6 juta.....

Dr. Tan Chong Keng: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Chong Keng: Point of order, korum tak cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Minta bilang. Tujuh orang, tidak cukup. Sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira: kurang daripada 26 ahli hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Lapan orang, masih tidak cukup korum. Maka yang demikian, saya menangguhkan Mesyuarat ini sehingga pukul 9.30 pagi hari Isnin hadapan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.33 petang.